

## **BAB**

### **1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Rata-rata para penyelidik merumuskan bahawa terdapat perbezaan di antara ekonomi bandar negara Barat dengan ekonomi bandar negara Dunia Ketiga (lihat Sulong Muhamad, 1981; Samad Hadi, 1985; Drakakis-Smith, 1981; 1987, Foster-Carter, 1985 dan Rahimah Abdul Aziz, 1989). Di Barat, proses pembandaran telah mengubah corak pekerjaan penduduk daripada pekerjaan di dalam sektor pertanian (peringkat pertama) kepada sektor perindustrian (peringkat kedua) dan seterusnya kepada sektor perkhidmatan (peringkat ketiga). Di negara-negara Dunia Ketiga, proses pembandaran mengubah corak pekerjaan penduduk daripada sektor pertanian terus kepada sektor perkhidmatan, terutama sekali di dalam pekerjaan yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah seperti sebagai penjaja, penarik beca dan pembantu rumah, yang tidak memerlukan kemahiran yang tinggi untuk diceburi (Aiken et.al, 1982).

Manakala klasifikasi pekerjaan di sektor perkhidmatan, kebanyakannya tertumpu di sektor ekonomi informal. Ramai di kalangan penduduk bandar yang miskin terdiri daripada orang yang bekerja dalam sektor ekonomi informal seperti sebagai penjaja (kaki lima), peniaga kecil, jaga atau pemandu persendirian dan sebagainya (Katiman Rostam, 1988:303). Sesetengah daripada kelompok miskin bandar, terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai pemungut sampah dan

juga peniaga kaki lima (Rodgers, 1989). Dengan ini, bolehlah dikatakan bahawa sebahagian besar masyarakat bandar di negara-negara Dunia Ketiga terlibat dengan kegiatan ekonomi sektor informal, yang mana ianya merupakan ciri ekonomi bandar yang penting di negara-negara ini (Sulong Mohamad, 1985).

Di Malaysia, proses pembandaran berlaku dengan pesat sekali terutamnya sejak awal tahun-tahun 70-an. Ianya merupakan satu fenomena yang berlaku selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara yang telah dilancarkan oleh pemerintahan negara ini (Katiman Rostam, 1983; 1985; Rustam A. Sani, 1985; Rahimah Abdul Aziz, 1989; Mohd Razali Agus, 1992; 1994). Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1971, adalah salah satu dasar pembangunan negara di Malaysia yang dikatakan telah memberi beberapa implikasi kepada berlakunya proses pembandaran yang mendadak di negara ini, terutamanya bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur (lihat Chamhuri Siwar, 1991; Firdaus Abdullah, 1991; Sanusi Osman, 1991; Mohd Razali Agus, 1992; 1994). Dasar Ekonomi Baru (DEB), antara lain bertujuan untuk menggalakkan penyertaan bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perdagangan, supaya dapat diwujudkan sebuah komuniti Melayu bandar yang akan menguasai sekurang-kurangnya 30 peratus kegiatan ekonomi bandar (Mohd Razali Agus, 1992; 1994; 1996).

Sebagai menyahut seruan kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), maka didapati penghijrahan beramai-ramai penduduk desa ke bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur berlaku dengan mendadak sekitar tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Malah, aliran penghijrahan masih berterusan sehingga kini. Mereka menaruh harapan melalui penglibatan diri dalam kegiatan ekonomi

bandar lebih menguntungkan dan dapat pula mengubah keadaan sosioekonomi diri dan keluarga mereka yang sekian lama berada dalam kancang kemiskinan (Katiman Rostam, 1993; 1985). Apabila tiba di bandar, tidak semua penghijrah mendapat peluang-peluang pekerjaan yang baik, terutamanya di sektor formal. Maka sebagai pilihan untuk mencari nafkah di bandar, ada di antara mereka memilih sektor informal kerana sektor ini senang dimasuki oleh mereka. Sektor informal merupakan satu-satunya saluran yang baik yang terbuka kepada migran desa-bandar untuk menyertai kegiatan ekonomi bandar (Sulong Mohamad, 1985).

Bandar raya Kuala Lumpur merupakan salah satu destinasi para migran desa-bandar di Malaysia. Kehadiran mereka adalah untuk merebut peluang-peluang ekonomi bandar yang lebih menguntungkan berbanding di desa. Akibat daripada penghijrahan penduduk beramai-ramai ke Kuala Lumpur, timbul pula berbagai-bagai permasalahan dan implikasi yang telah banyak diperkatakan oleh para penyelidik dan pentadbir bandar. Misalnya, masalah pertambahan dan tekanan penduduk (lihat Mohd Razali Agus, 1991;1992;1996; Sanusi Osman, 1985; Katiman Rostam, 1985 dan Siti Mariam Ibrahim, 1994), masalah perumahan (lihat Sanusi Osman,1985; Nurizan Yahya dan Halimah Ahmad, 1992 ; Ismail Stapa,1995 dan Mohd Razali Agus, 1985;1992), masalah persetinggan (lihat Azizah Kassim, 1985; Mohd Razali Agus, 1981), masalah sosioekonomi (lihat Mohd Aris Hj. Othman, 1985; Rahimah Abdul Aziz, 1989; Syed Husin Ali dan Ishak Shari, 1991; Chamsuri Siwar, 1991; Samsul Amri Baharuddin, 1990; dan Mohd Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin, 1998) dan lain-lain masalah pembandaran.

Walaupun berbagai permasalahan telah wujud di bandar, namun ianya tidak menghalang para migran untuk terus bertapak di bandar kerana desakan faktor-faktor menarik di bandar (Drakakis-Smith, 1981). Para migran yang tidak berpeluang menceburi sektor ekonomi formal, memberi tumpuan dan melibatkan diri di dalam sektor ekonomi informal sebagai sumber pendapatan untuk menampung kehidupan di bandar. Sehubungan dengan ini, penjajaan iaitu salah satu aktiviti ekonomi sektor informal adalah merupakan suatu peluang pekerjaan golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar mencari nafkah dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan bandar (Mohd Razali Agus, 1992; 1994).

Proses pembandaran yang pesat telah membuka peluang untuk aktiviti penjajaan sebagai sektor ekonomi informal berkembang selari dengan pembangunan ekonomi bandar secara keseluruhan. Mengikut laporan Rancangan Malaysia Ke-6, terdapat 103,331 penjaja di Semenanjung Malaysia pada tahun 1990. Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang melibatkan 26 penguasa-penguasa tempatan dan majlis perbandaran di seluruh Malaysia pula terdapat seramai 105,731 penjaja berlesen pada tahun 1994. Jika diandaikan seorang penjaja mengambil 2 orang sebagai pekerjanya, ini bermakna seramai 317,993 orang terlibat dalam sektor ini. Jika setiap penjaja memperolehi hasil jualan purata bulanan RM 2,000.00 seorang, maka jumlah hasil yang terkumpul adalah dianggarkan berjumlah RM 211.5 billion setahun. Manakala di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1998) melaporkan terdapat 34,362 penjaja berlesen dan dianggarkan lebih kurang 6,000 orang penjaja tanpa lesen di

seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dari segi urusniaga dianggarkan mencapai lebih kurang RM 1 billion setahun (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1995). Kegiatan ini diceburi bukan sahaja secara tetap, tetapi juga sebagai kerja sampingan untuk menambah pendapatan keluarga.

Sifat tak formal aktiviti penjajaan ini telah memberi kesempatan kepada orang yang terlibat menjalankannya secara sambilan, tanpa menjelaskan tugas-tugas harian. Dengan ini, Drakakis-Smith (1987) menyatakan adakalanya seorang pekerja wanita di sektor formal adalah juga seorang surirumah dan mempunyai sumber pendapatan sampingan hasil daripada penglibatannya di sektor informal yang dijalankan secara sambilan.

Penduduk yang terlibat di dalam aktiviti penjajaan tidak terhad kepada golongan yang gagal mencari pekerjaan di sektor formal sahaja. Ramai yang menjalankan aktiviti ekonomi penjajaan secara sepenuh masa dan bagi mereka pekerjaan itu adalah sumber utama pendapatan keluarga. Dalam pada itu, kegiatan penjajaan juga diceburi oleh mereka yang mempunyai pekerjaan tetap dan di kalangan surirumah. Golongan penjaja dikatakan pembekal barang, terutamanya keperluan makanan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar, kerana harga barang yang ditawarkan agak rendah (Samad Hadi, 1985).

Berdasarkan data-data dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan, jelaslah bahawa sektor penjajaan adalah penting dalam pembangunan ekonomi, khususnya ekonomi bandar, memandangkan mereka yang terlibat tidak sedikit jumlahnya. Walaupun struktur ekonomi bandar di Malaysia khasnya bandar raya Kuala Lumpur sudah banyak berubah dalam tiga dekat kebelakangan ini, namun

" dualisme ekonomi bandar " masih lagi wujud. Oleh itu, kajian tentang penggiat dan kegiatan mereka dalam sektor informal dalam ekonomi bandar di Malaysia masih lagi relevan. Dikatakan masih relevan kerana realiti empirikal kegiatan penjaja dan penjajaan yang masih jelas kekal bergolak dalam ekonomi bandar di Malaysia. Sehubungan dengan ini, kegiatan penjajaan yang popular dalam sektor ekonomi informal bandar raya Kuala Lumpur telah diberi berbagai-bagai tanggapan, baik positif maupun negatif. Oleh yang demikian, melalui kajian ini, pengkaji akan meneliti, mencerakin dan membincang secara mendalam, pola-pola serta darjah penglibatan penjaja, dalam konteks pembangunan sektor ekonomi informal di bandar raya kuala Lumpur untuk difahami bersama.

## **1.2 Tujuan Dan Bidang Kajian**

Konsep "dualisme ekonomi bandar" yang diperbincangkan dan diberi penekanan pada awal tahun 1970-an, memperkatakan bahawa ekonomi bandar, terutamanya bandar Dunia Ketiga berkembang dengan didasari oleh sektor formal dan sektor informal. Oleh itu, sektor ekonomi informal, adalah penting dalam ekonomi bandar Dunia Ketiga. Bagi ekonomi Malaysia, khususnya ekonomi bandar raya Kuala Lumpur, didapati telah banyak berubah maju, sejak tiga dekat yang lalu. Walaupun begitu, sektor ekonomi informal masih penting dalam penjanaan ekonomi bandar raya ini. Misalnya, kegiatan menjaja masih jelas kekal bergolak dalam ekonomi bandar raya Kuala Lumpur.

Kegiatan menjaja, iaitu salah satu kegiatan sektor ekonomi informal dikatakan penting di Kuala Lumpur kerana hampir 10 peratus penduduk terlibat dengannya. Nampaknya, kegiatan menjaja masih relevan di bandar raya ini,

ketika Kuala Lumpur kini berada dalam arus pembangunan ekonomi moden. Oleh yang demikian, objektif pertama kajian ini ialah untuk memaparkan realiti penjaja dan penjajaan di Kuala Lumpur. Manakala objektif kedua pula adalah untuk mencari "dualisme ekonomi bandar", sama ada masih wujud atau tidak di bandar raya Kuala Lumpur, setelah dikatakan ekonominya telah banyak berubah maju.

Bagi merealisasi dua objektif ini, dua aspek dari segi perspektif mikro dan makro akan diperbincangkan. Dari segi perspektif mikro, kajian ini akan memperlihatkan penjaja sebagai satu sub-komuniti di bandar, serta peranan dan fungsi mereka dalam konteks keseluruhan hidup di bandar. Untuk ini, profil data-data dan maklumat mengenai penjaja dan kegiatan menjaja dikumpul dan dianalisis. Secara lebih khusus, tumpuan akan diberi terhadap populasi penjaja dari segi profil sosioekonomi dan persepsi mereka terhadap kegiatan menjaja sebagai sumber pendapatan keluarga, dalam mencari nafkah hidup di bandar.

Perspektif makro pula, kajian ini akan melihat penjaja dan fenomena penjajaan sebagai sebahagian dari proses pembandaran, serta salah satu kegiatan dalam sektor ekonomi informal bandar. Perspektif ini, adalah lebih berkait dengan soal perundangan dan penguatkuasaan, dasar dan perancangan pihak berkuasa, khususnya pentadbir bandar, dalam menangani permasalahan yang ada, serta membangunkan lagi sektor penjajaan secara global, selaras dengan proses pembandaran dan usaha pihak berkuasa membantu meningkatkan ekonomi golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar.

Kombinasi daripada dua perspektif seperti yang dinyatakan, pengkaji akan membincang dan membuat rumusan, mengenai isu dan realiti tentang penjaja

dan penjajaan di bandar raya Kuala Lumpur masa kini. Dua perspektif berkenaan juga, merupakan jawapan kepada persoalan mengapakah sektor informal terus kekal serta kegiatan menjaja masih relevan di Kuala Lumpur, ketika dikatakan ekonomi Malaysia dan ekonomi Kuala Lumpur khususnya sudah berubah maju.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Isu tentang penjaja dan penjajaan, masih penting dan masih relevan untuk diteliti, terutama di bandar utama Malaysia. Ini kerana golongan penjaja merupakan salah satu komponen komuniti bandar, di samping mereka juga turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi bandar. Berlangsungnya kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur, didasari oleh berbagai-bagai faktor sejarah dan latar belakang dari segi sosioekonomi, sosiopolitik dan sosiobudaya yang mempunyai hubungan kait-mengait di antara satu sama lain.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaporkan bahawa terdapat sejumlah 34,362 penjaja berlesen dan dianggarkan terdapat lebih kurang 6,000 penjaja tanpa lesen di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga tahun 1998. Kegiatan penjajaan telah sekian lama bertapak, iaitu semenjak negara mencapai kemedekaan hingga ke masa kini (DBKL,1998). Bilangan penjaja sentiasa bertambah dari tahun ke tahun, seiringan dengan perkembangan dan pembangunan semasa bandar raya Kuala Lumpur.

Dari segi lokasi, sama ada penjaja berlesen ataupun tidak, kedudukannya bertaburan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mereka bertapak di bahu jalan, tepi jalan, atas jalan dan di atas longkang. Keadaan yang sedemikian, dikatakan menimbulkan suasana pemandangan fizikal bandar yang

hodoh dan tidak teratur serta menyebabkan gangguan awam kepada penghuni bandar yang lain.

Ibu mengenai penjaja dan penjajaan di Kuala Lumpur telah banyak diperkatakan. Berbagai-bagai kenyataan, tanggapan umum dan salah faham telah dilemparkan kepada para penjaja dan pihak pentadbir bandar, oleh pihak media-massa dan orang awam. Mereka memperkatakan tentang penjaja dan penjajaan dari perspektif masing-masing, baik dari segi positif ataupun negatif. Andaian-andaian umum seperti menyatakan penjaja adalah golongan berpendapatan rendah atau miskin bandar serta berperanan sebagai pembekal barang terutamanya keperluan makanan kepada golongan berpendapatan rendah, penjaja punca kekotoran bandar dan sebagainya adalah terlalu umum kerana ia didasarkan kepada data-data dan maklumat yang diperolehi malalui sumber-sumber "sekunder".

Dalam aspek lain, walaupun penglibatan para penjaja dalam meneroka ekonomi bandar berdepan dengan pelbagai masalah dan cabaran, mereka dikatakan berperanan dan menyumbang guna tenaga, dalam pembangunan ekonomi bandar, dengan urusniaga yang tidak sedikit jumlahnya. Implikasi daripada ini, dapat mengatasi masalah pekerjaan dan turut membantu melengkapkan sistem ekonomi bandar. Oleh yang demikian, kajian ini adalah penting kerana ia menguji dan menilai andaian-andaian umum serta mendapat faedah daripada "full scale field investigation" yang lebih jelas dan tepat, khususnya dalam konteks pembangunan ekonomi bandar raya Kuala Lumpur. Walaupun ekonomi bandar raya Kuala Lumpur sekarang telah banyak berubah dan bergerak maju, namun didapati kegiatan ekonomi sekitar informal seperti

menjaja masih lagi kedapatan. Selaras dengan itu, kajian ini cuba mencari realiti penjaja dan penjajaan di bandar raya ini untuk difahami bersama.

Kajian ini juga penting, kerana ianya mengumpul maklumat dan data-data semasa mengenai penjajaan di Kuala Lumpur, yang amat berfaedah kepada pentadbir dan perancangan bandar, untuk mengubal dasar-dasar akan datang yang lebih komprehensif. Kepada para penyelidik akan datang, kajian ini berguna untuk dijadikan asas dan panduan dalam membuat kajian seterusnya.

#### **1.4 Tapak Dan Populasi Kajian**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1998), melaporkan bahawa terdapat 34,362 orang penjaja berlesen di Kuala Lumpur / Wilayah Persekutuan sehingga tahun 1998. Penjaja-penjaja ini terdiri daripada penjaja yang menjaja di pasar berbangunan, pasar terbuka, pasar malam, kiosk, pusat penjaja, pusat penjaja dalam bangunan tinggi dan penjaja statik di tepi jalan. Dari segi lokasi, penjaja-penjaja ini bertaburan di merata tempat seluruh Kuala Lumpur, dengan tumpuan utama ialah di pusat bandar. Penjaja-penjaja ini juga diklasifikasikan mengikut kawasan parlimen, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1, iaitu taburan penjaja mengikut kawasan parlimen dan Gambarajah 1.1 ialah mengenai kedudukan dan lokasi kawasan-kawasan parlimen di Kuala Lumpur.

Daripada 34,362 orang populasi penjaja berlesen, sebagaimana yang dilaporkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebanyak 1.5 peratus penjaja ditetapkan untuk dijadikan responden. Kadar ini juga ditetapkan pada setiap kawasan parlimen. Populasi penjaja yang dipilih sebagai responden kajian mewakili semua kaum, semua kawasan parlimen dan semua kategori

atau kelompok penjaja. Populasi penjaja berlesen sahaja dipilih untuk dijadikan sample dan responden. Ini kerana penjaja berlesen adalah merupakan aktiviti penjajaan yang dibenarkan beroperasi oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mereka dibenarkan menjaja mengikut syarat-syarat serta peraturan yang ditetapkan. Tambahan pula, kumpulan penjaja berlesen ini senang untuk ditemui di lokasi, kerana kebanyakan mereka menjaja setiap masa. Dalam pada itu, menjaja adalah merupakan pekerjaan utama mereka, dalam mencari pendapatan untuk menyara keluarga. Keadaan ini agak berlainan dengan penjaja tanpa lesen, di mana mereka menjalankan kegiatan menjaja secara sembunyi-sembunyi. Penjaja tanpa lesen juga, menjaja secara tidak menentu atau tidak secara tetap di lokasi, untuk mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa. Tambahan pula, kebanyakan mereka menjaja secara sambilan bagi mencari pendapatan tambahan. Keadaan seperti ini menyukarkan kerja-kerja soalselidik, serta bimbang jika mereka memberi maklumat yang tidak tepat.

Tumpuan sample dan responden kepada penjaja berlesen juga kerana kelompok penjaja ini agak besar bilangannya dan merekalah yang membentuk imej penjaja dan penjajaan di Kuala Lumpur. Aktiviti mereka perlu dinilai untuk mencari realiti dan konsep ekonomi sektor informal bandar. Pengertian awam mengenai konsep sektor informal dalam kegiatan menjaja tidak merujuk secara khusus sama ada penjaja itu berlesen atau tidak. Malah, jauh sekali ketepatannya jika dikatakan penjaja berlesen adalah bukan pengiat ekonomi sektor informal dan sektor informal itu hanyalah pada penjaja tanpa lesen sahaja. Jika diamati konsep "dualisme ekonomi bandar" sebagaimana yang diperjelaskan oleh Santos (1979), sesuatu kegiatan ekonomi itu dapat


diklasifikasikan sebagai ekonomi sektor informal, jika terdapat ciri-ciri sektor informal pada kegiatan ekonomi berkenaan. Oleh kerana terdapat sedikit halangan kemasukan bagi mengusahakan kegiatan menjaja di Kuala Lumpur, iaitu ianya memerlukan perlesenan, maka kegiatan menjaja adalah tergolong dalam sektor "informal kuasi" sebagaimana pandangan yang pernah diperkatakan oleh Mohd Fauzi Yaacob (1992). Jadi, penjaja berlesen yang terdapat di setiap kawasan parlimen di Kuala Lumpur menjadi fokus utama dan populasi kajian ini.

**Jadual 1.1 Taburan Penjaja Berlesen Di Kuala Lumpur Mengikut Kaum Dan Kawasan Parlimen, 1998**

Kawasan Parlimen	Melayu	Cina	India	Jumlah
Bukit Bintang	1810	3095	438	5343
Cheras	1433	1938	379	3750
Bandar Tun Razak	1470	1401	153	3024
Lembah Pantai	1967	1349	417	3733
Wangsa Maju	1037	1218	139	2394
Kepong	342	1754	149	2245
Seputih	840	2079	157	3076
Batu	862	3023	261	4146
Segambut	518	1469	249	2236
Titiwangsa	958	2800	657	4415
<b>Jumlah</b>	<b>11,287</b>	<b>14,026</b>	<b>2,999</b>	<b>34,362</b>
<b>Peratus</b>	<b>33%</b>	<b>58%</b>	<b>9%</b>	<b>100%</b>

Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

**Gambarajah 1.1 : Pelan Sempadan Kawasan Parlimen  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**



Sumber : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

## **1.5 Metodologi**

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah sosiologikal dalam usaha mendapat, mengumpul serta menganalisis maklumat dan data-data. Secara lebih khusus, dua kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut :

### **I. Kajian Di Perpustakaan**

Pada peringkat awal kajian, pengkaji membuat kajian di perpustakaan. Kajian di perpustakaan bertujuan untuk mengumpul maklumat awal tentang sektor informal dan tentang penjaja serta kegiatan menjaja. Maklumat tentang perkara ini diperolehi daripada buku teks, tesis, jurnal, monograf dan sebagainya yang terdapat di perpustakaan. Penulisan tentang ekonomi sektor informal serta kajian-kajian awal yang pernah dibuat sebelum ini, diperolehi di perpustakaan dan banyak membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini. Perpustakaan yang menjadi tumpuan pengkaji ialah :-

#### **a. Perpustakaan Universiti**

Di perpustakaan universiti, pengkaji memperolehi banyak maklumat dan data tentang ekonomi sektor informal dan tentang penjaja serta kegiatan menjaja. Rata-rata maklumat yang diperolehi adalah dalam bentuk buku teks, jurnal, monograf dan kajian-kajian kes. Maklumat ini dianalisis dan disesuaikan dengan maklumat yang diperolehi melalui kerja lapangan.

**b. Perpustakaan DBKL**

Di perpustakaan ini, pengkaji memperolehi maklumat yang kebanyakannya berkaitan dengan penjaja dan kegiatan menjaja di Kuala Lumpur. Maklumat di dalam bentuk monograf, kajian kes, laporan tahunan, buletin dan kertas kerja sangat berguna dan banyak membantu pengkaji dalam menganalisis kajian.

**c. Perpustakaan Awam**

Perpustakaan awam adalah merupakan perpustakaan tambahan bagi pengkaji mendapat data dan maklumat mengenai bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini, seperti buku-buku rujukan, keratan akhbar, laporan am dan sebagainya.

Oleh kerana maklumat dan data yang diperolehi melalui kajian di perpustakaan kebanyakannya diperolehi melalui sumber-sumber "sekunder", maka berdasarkan maklumat tersebut, satu "trend extrapolation" dibuat dan diperkuuhkan lagi dengan kaedah-kaedah sosiologikal yang lain.

**II. Kajiselidik**

Kajiselidik adalah merupakan asas kajian ini. Kajiselidik dibuat untuk mendapat faedah daripada "full scale field investigation". Bagi urusan kajiselidik, pengkaji menggunakan satu set borang kajiselidik, sebagaimana yang ditunjukkan di Lampiran 1. Bagi menyempurnakan kajiselidik, beberapa teknik digunakan seperti berikut:

### **a. Teknik Pensampelan**

Teknik pensampelan adalah berkait rapat dengan kajiselidik, iaitu kerja lapangan yang dijalankan untuk mendapat data-data dan maklumat. Teknik ini digunakan melalui kaedah penetapan sampel. Dalam menetapkan sampel, pengkaji menggunakan populasi penjaja berlesen. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merekodkan bahawa terdapat 34,362 orang penjaja berlesen pada tahun 1998. Maklumat lanjut dan taburan penjaja berlesen adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Daripada 34,362 orang penjaja berlesen, sebagaimana yang direkodkan oleh DBKL, pengkaji menetapkan sebanyak 1.5 peratus, iaitu seramai 510 orang penjaja sebagai sampel dan responden. Dalam hal ini, pengkaji merasakan 1.5 peratus sampel dan responden adalah memadai untuk mewakili keseluruhan penjaja berlesen yang ada. Sementara itu, setiap kawasan parlimen pula, ditetapkan sebanyak 1.5 peratus daripada jumlah penjaja yang ada untuk dijadikan sampel dan responden. Pengagihan sampel kepada semua kawasan parlimen adalah untuk menyelerakkan sampel agar ianya tidak mengelompok di sesuatu lokasi sahaja. Berdasarkan Jadual 1.1 juga, didapati setiap kawasan parlimen terdapat berbagai etnik yang menjalankan kegiatan menjaja. Oleh yang demikian, setiap etnik juga ditetapkan sebanyak 1.5 peratus daripada jumlah etnik yang ada, dipilih bagi mewakili kumpulan etnik masing-masing.

Pada jadual 1.1 juga, didapati taburan penjaja tidak sama di antara kawasan parlimen. Misalnya, kawasan parlimen Bukit Bintang, Batu dan Titiwangsa, bilangan penjaja lebih ramai berbanding dengan kawasan parlimen Wangsa Maju, Kepong dan Segambut, sedangkan pengagihan sampel dan responden adalah sama. Keadaan ini tidak menjadi permasalahan utama, kerana tujuan utama kajian ini bukan untuk mendapat maklumat bagi membuat perbandingan setempat (perbandingan di antara kawasan parlimen), tetapi adalah untuk mendapat maklumat secara umum bagi mewakili keseluruhan penjaja di Kuala Lumpur. Pengagihan sampel dan responden mengikut kawasan parlimen dibuat semata-mata untuk melebarluaskan sampel dan responden, agar ianya tidak mengelompok di sesuatu kawasan sahaja. Penetapan 1.5 peratus penjaja sebagai sampel/ responden daripada keseluruhan jumlah penjaja berlesen dan juga penetapan 1.5 peratus bagi setiap kawasan parlimen dan etnik, adalah merupakan penetapan sampel berbentuk "purposive", yang tujuannya semata-mata untuk mendapat maklumat dan melaporkannya semula. Selaras dengan ini, maka taburan sampel dan responden adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2. Berdasarkan jadual berkenaan, didapati daripada 510 sampel dan responden yang ditetapkan, terdiri daripada 166 sampel dan responden etnik Melayu (32.5 peratus), 300 sampel dan responden etnik Cina (58.9 peratus) dan 44 sampel dan

responden etnik India (8.6 peratus). Berdasarkan sampel sebagaimana yang ditetapkan, penjaja dipilih secara rambang untuk dijadikan responden.

Sementara itu, DBKL juga melaporkan bahawa terdapat berbagai-bagai kategori atau kelompok penjaja seperti penjaja pasar (pasar berbangunan, pasar terbuka dan pasar malam), penjaja statik (statik di tepi jalan, statik di gerai pusat penjaja dan statik di pusat penjaja dalam bangunan bertingkat tinggi) dan penjaja bergerak (berkenderaan). Manakala dari segi lokasinya pula, kedudukan penjaja berselerak, sama ada di kawasan pusat bandar ataupun di kawasan pinggir bandar. Oleh yang demikian, pemilihan penjaja sebagai responden untuk setiap kawasan parlimen akan dipilih secara rambang bagi setiap kategori atau kelompok penjaja yang ada, di pusat bandar dan juga di pinggir bandar. Ini bertujuan agar responden yang dipilih mewakili semua etnik, semua kategori penjaja serta mewakili pelbagai lokasi, kerana ciri-ciri dan permasalahan penjaja berbeza mengikut kelompok , lokasi dan etnik.

**Jadual 1.2 Bilangan Penjaja Berlesen Tahun 1998 Dan Penetapan Sampel/ Responden Mengikut Etnik Serta Kawasan Parlimen**

Kawasan Parlimen	Melayu	Cina	India	Jumlah Penjaja	Jumlah Sampel/ Responden (1.5%)
Bukit Bintang	1810 (27)	3095 (46)	438 (6)	5343 (79)	79
Cheras	1433 (21)	1938 (29)	379 (6)	3750 (56)	56
Bandar Tun Razak	1470 (22)	1401 (21)	153 (2)	3024 (45)	45
Lembah Pantai	1967 (29)	1349 (20)	417 (6)	3733 (55)	55
Wangsa Maju	1037 (15)	1218 (18)	139 (2)	2394 (35)	35
Kepong	342 (5)	1754 (26)	149 (2)	2245 (33)	33
Seputih	840 (12)	2079 (31)	157 (3)	3076 (46)	46
Batu	862 (13)	3023 (45)	261 (4)	4146 (62)	62
Segambut	518 (8)	1469 (22)	249 (3)	2236 (33)	33
Titiwangsa	958 (14)	2800 (42)	657 (10)	4415 (66)	66
<b>Jumlah Penjaja</b>	<b>11237</b>	<b>20126</b>	<b>2999</b>	<b>34362</b>	
<b>Jumlah Sampel/ Responden</b>	<b>(166)</b>	<b>(300)</b>	<b>(44)</b>	<b>(610)</b>	<b>510</b>
<b>Peratus</b>	<b>32.3</b>	<b>68.9</b>	<b>8.6</b>	<b>100</b>	<b>1.5</b>

Nota : ( ) Sampel/ Responden

- Sumber : i) Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.  
ii) Kerja Lapangan, 1999.

Bagi mendapat dan mengumpul maklumat serta data-data yang dikehendaki, pengkaji menjalankan "survey" dengan menggunakan satu set borang kajiselidik (lihat Lampiran 1). Borang berkenaan menjadi panduan kepada pengkaji semasa mengumpul data dan maklumat daripada responden yang dipilih melalui proses temubual. Keutamaan untuk menjadi responden diberikan kepada pemegang lesen yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam kes-kes di mana pemegang lesen tidak dapat ditemui setelah dua kali dicuba, suami atau isteri pelesen dipilih untuk ditemubual. Terdapat 3 bahagian utama dalam borang kaji selidik iaitu :

**i. Maklumat Tentang Penjaja**

Bahagian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai latar belakang penjaja, jantina, umur, taraf pendidikan dan tempat menjalankan penjajaan.

**ii. Maklumat Mengenai Kegiatan Menjaja**

Beberapa soalan digubah untuk bahagian ini bagi mendapat maklumat mengenai status penjajaan, waktu menjaja, modal, pendapatan dan maklumat mengenai sosioekonomi penjaja.

**III. Persekutaran Penjaja Dan Tempat Menjaja**

Soalan-soalan di bahagian ini adalah bertujuan untuk menilai persekitaran tempat menjaja, terutamanya dari segi kebersihan dan untuk menilai sama ada mereka patuh ataupun tidak peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Juga, untuk melihat tanggungjawab sosial penjaja terhadap orang awam dan pentadbir bandar.

**b. Teknik Temubual**

Mengenai teknik-teknik temubual, beberapa kumpulan orang ramai ditemubual oleh pengkaji seperti:-

**i. Responden**

Responden adalah merupakan golongan utama yang ditemubual oleh pengkaji. Temubual dengan responden dilakukan untuk mendapat maklumat tentang semua aspek mengenai penjajaan. Satu set borang soalselidik dijadikan panduan dalam proses temubual ini. Maklumat yang diperolehi tentang kegiatan menjaja hasil daripada temubual dengan responden adalah merupakan salah satu maklumat utama dalam analisis pengkaji tentang kajian ini.

**ii. Pegawai-Pegawai DBKL**

Pegawai-pegawai DBKL yang secara langsung terlibat dengan hal-hal pentadbiran penjaja menjadi tumpuan temubual oleh pengkaji. Tujuannya, adalah untuk mendapat maklumat tentang penjaja di setiap aspek, seperti data-data penjaja, peraturan-peraturan menjaja, dasar dan strategi pihak pentadbir bandar terhadap penjaja. Pegawai-pegawai DBKL juga menjadi sumber rujukan, apabila pengkaji menhadapi masalah dalam

menganalisis kajian ataupun apabila maklumat yang didapati mengenai kegiatan menjaja tidak begitu jelas.

### **iii. Persatuan Penjaja**

Temubual yang dilakukan dengan pihak persatuan penjaja juga adalah untuk mendapat maklumat tambahan tentang kegiatan menjaja. Ini kerana persatuan penjaja adalah merupakan saluran ataupun perantaraan di antara pihak penjaja dan pihak pentadbir bandar berbincang, dalam menyelesaikan sesuatu isu. Individu dalam persatuan yang ditemubual ialah terdiri daripada pengurus dan setiausaha persatuan.

### **iv. Pemimpin Masyarakat**

Pemimpin masyarakat seperti ketua-ketua politik, persatuan pengguna pertubuhan belia dan lain-lain turut ditemubual. Pemimpin masyarakat ini ditemubual untuk mendapatkan pandangan dan cadangan terhadap sesuatu isu, apabila pengkaji merasakan ada kaitan dengannya.

### **v. Orang Awam**

Pengkaji juga menemubual beberapa orang awam yang mempunyai hubungan dengan kajian ini, untuk mendapat maklumat mengenai penjaja. Dalam pada itu, pandangan mereka juga diambil untuk menyokong sesuatu isu yang dibincangkan.

**c. Teknik Ikut Serta**

Pengkaji menggunakan teknik ikut serta, apabila sesuatu maklumat yang dikemukakan oleh responden agak tidak menyakinkan. Misalnya, responden melaporkan bahawa menjaja makanan bermasak di gerai, sukar untuk dilakukan secara bersendirian tanpa bantuan pembantu gerai. Ini kerana ramai pelanggan yang mengunjungi gerai di waktu yang sama (waktu makan tengah hari). Dalam hal ini, bagi mendapat kepastian, pengkaji bertindak sebagai pelanggan dan pada ketika lain, pengkaji juga bertindak sebagai pembantu gerai. Melalui teknik ini, pengkaji dapat merasakan sendiri sesuatu keadaan ataupun dapat pengesahan tentang sesuatu maklumat yang dilaporkan.

**d. Teknik Pemerhatian**

Teknik pemerhatian digunakan apabila sesuatu maklumat yang diperolehi diragui kesahihannya. Selain daripada itu, teknik ini juga digunakan untuk mendapat maklumat apabila ianya sukar didapati melalui teknik temubual dan teknik ikut serta. Misalnya, maklumat tentang pendapatan di kalangan responden. Apabila pengkaji merasakan pendapatan yang dilaporkan diragui kesahihannya, pengkaji akan membuat pemerhatian kepada penjaja berkenaan dari segi pelanggan yang mengunjunginya. Bilangan pelanggan direkod dalam sehari dan didarab dengan jumlah yang dibelanjakan oleh seorang pelanggan. Maka pengkaji akan memperolehi anggaran pendapatan kasar harian. Anggaran pendapatan ini akan diselaraskan atau dibandingkan pula dengan angka

yang dilaporkan oleh penjaja berkenaan. Melalui kaedah ini, satu keputusan akan dibuat mengenai pendapatan harian penjaja berkenaan. Perkara ini wujud kerana menjadi kebiasaan, bahawa maklumat tentang pendapatan, tidak dilaporkan dengan tepat, atas alasan-alasan tertentu seperti untuk mengelak daripada membayar cukai pendapatan, mengelak daripada diketahui umum, menagih simpati dan sebagainya. Begitu juga tentang maklumat yang dikatakan bahawa penjaja membuang sisa makanan ke dalam longkang dan sungai. Pemerhatian dibuat oleh pengkaji untuk mengesahkan maklumat berkenaan.

Kombinasi daripada beberapa kaedah dan teknik seperti yang dibincangkan, adalah merupakan metodologi kajian ini. Pengkaji menjalankan kerja lapangan dengan dibantu oleh empat orang pembantu, bermula pada bulan Januari dan berakhir pada bulan Jun tahun 1999.

### **1.6 Konsep “Dualisme” Ekonomi Bandar**

Bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara, lebih-lebih lagi kepada negara membangun. Di Dunia Ketiga, bandar merupakan tempat utama pemasaran kegiatan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, sejumlah besar pendapatan negara datang dari sumber-sumber yang terdapat di bandar. Menyedari betapa pentingnya sumbangan bandar dalam pembangunan ekonomi negara, maka ramai para penyelidik bandar dan ahli-ahli sains sosial menyelidik struktur pembangunan ekonomi bandar, dengan mengutarakan berbagai-bagai pendekatan.

Pendekatan yang agak popular dan sering diperbincangkan tentang ekonomi bandar ialah pendekatan “dualisme” ekonomi bandar. Asas konsep ini ialah membahagikan kegiatan ekonomi bandar kepada dua sektor, iaitu sektor formal (rasmi) dan sektor informal (tidak rasmi). Sementara itu, sektor ekonomi formal dikenali juga sebagai sektor firma, sektor perbadanan, sektor maju dan sektor moden, yang kebanyakannya terdapat di negara Barat. Manakala sekitar ekonomi informal pula dikenali juga sebagai sektor bazar, sektor tradisi, sektor pinggir dan sektor mundur serta merujuk kepada negara Dunia Ketiga (Darkalas-Smith, 1981; 1987; Foster-Carter, 1985; Fauzi Yaacob, 1991). Di negara Dunia Ketiga, kebanyakan kegiatan ekonomi sektor formal berpusat di bandar. Manakala kegiatan sektor ekonomi informal pula lebih merujuk kepada desa, walaupun kegiatan ini juga terdapat dan berperanan di bandar (lihat Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob, 1986; Noraziah Ali, 1990, Noor Aini Haji Idris, 1996 dan Chamhuri Siwar, 1998). Oleh yang demikian, konsep “dualisme ekonomi bandar” diperbincangkan dan diberi penelitian setiap aspek oleh pengkaji-pengkaji bandar, terutamanya setelah Hart (1971) dan ILO (1972) memberi penekanan terhadap istilah sektor ekonomi informal serta Bromley (1979) dan Santos (1979) memperjelaskan secara mendalam tentang takrif dan ciri-ciri yang memisahkan di antara kedua-dua sektor ini.

Konsep “dualisme ekonomi bandar” dapat difahami apabila kita meneliti perkara-perkara yang membezakan di antara kedua-dua kegiatan ekonomi berkenaan. Perbezaannya dapat dilihat sebagaimana penjelasan oleh Bromley (1979) yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3. Berdasarkan Jadual 1.3, jelas menerangkan kepada kita, bahawa dari segi kawalan kemasukan, penggunaan

modal, pemilikan, tingkat operasi, teknologi, kemahiran, pasaran dan peraturan kerja, di antara kegiatan ekonomi sektor formal dan kegiatan ekonomi sektor informal berbeza di antara satu sama lain. Angkubah inilah secara umumnya, menentukan sesuatu kegiatan ekonomi itu sama ada sektor formal ataupun sektor informal. Sementara itu, ciri-ciri yang membezakan di antara kedua-dua sektor inilah yang menjadi perbincangan dan percanggahan pendapat oleh para pengkaji, mengikut pendekatan dan pemahaman masing-masing.

**Jadual 1.3 Ciri-Ciri Yang Membezakan Di Antara Ekonomi Sektor Formal Dan Ekonomi Sektor Informal**

Ciri-Ciri Yang Membezakan Di Antara Ekonomi Sektor Formal		Ciri-Ciri Yang Membezakan Di Antara Ekonomi Sektor Informal	
1. Susah dimasuki		1. Senang dimasuki	
2. Penggunaan modal asing		2. Penggunaan modal tempatan	
3. Pemilikan korporat		3. Pemilikan famili	
4. Operasi secara besar-besaran		4. Operasi secara kecil-kecilan	
5. Intensif – modal dan selalu menggunakan teknologi yang diimport		5. Intensif – buruh dan menggunakan teknologi tempatan yang disesuaikan	
6. Kemahiran diperolehi secara formal dan menggunakan kepakaran asing		6. Kemahiran diperolehi di luar pendidikan formal	
7. Pasaran dikawal melalui kuota, cukai dan lazim		7. Pasaran tidak dikawal dan bebas bersaing	
8. Peraturan dan masa kerja yang tetap		8. Tiada peraturan dan masa kerja yang tetap	

Sumber : Diubahsuai Daripada Mohd Razali Agus (1988) "Klasifikasi Pekerjaan Bandar Di Kuala Lumpur". Dalam Hashim Awang AR (Peny), **Fenomena** : JPM, Universiti Malaya, hlm.6


Ekonomi bandar negara Dunia Ketiga, digerakkan oleh sektor formal dan sektor informal. Oleh sebab itu, konsep "dualisme ekonomi bandar" bagi Dunia Ketiga sangat penting sekali, kerana kedua-dua sektor ini mempunyai kaitan di antara satu sama lain dan saling pengaruh mempengaruhi. Hakikat ini, telah diselidiki oleh para pengkaji dan berbagai-bagai pandangan telah dikemukakan, semata-mata untuk menjelaskan bahawa kedua-dua sektor ini mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain.

Santos (1979), dalam penelitiannya terhadap model "dualisme", telah memperjelaskan takrif dan ciri-ciri "dualisme" dengan terperinci, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3. Beliau menggunakan istilah "litar atas" dan "litar bawah" dalam membuat perbandingan di antara kedua-dua sektor berkenaan. Istilah "litar atas" dan "litar bawah" jugalah diguna oleh beliau, apabila mencari perhubungan di antara sektor formal dan sektor informal. Bagi Santos (1979), kedua-dua sektor ini mempunyai hubungan yang amat sukar untuk dipisahkan. Pembangunannya berjalan seiring, saling perlu dan memerlukan serta lengkap-melengkapi di antara satu sama lain dalam ekonomi bandar negara membangun. Penerangan dan penjelasan Santos (1979), mengenai "dualisme" ekonomi bandar menunjukkan betapa luas dan besarnya peranan sektor informal, dalam kegiatan ekonomi bandar negara Dunia Ketiga.

Hubungan yang wujud di antara sektor formal dan sektor informal, dalam konsep "litar atas" dan "litar bawah", sebagaimana yang diperbincangkan oleh Santos (1979), akan mudah difahami, bila mana kita merujuk kepada contoh yang terdapat dalam kegiatan ekonomi bandar semasa. Misalnya, dalam struktur jualan secara langsung, jelas memperlihatkan kepada kita, bahawa kegiatan

ekonomi sektor formal dan kegiatan ekonomi sektor informal, mempunyai hubungan yang kait-mengait, di antara satu sama lain. Dalam sistem jualan secara langsung, sektor formal ialah peringkat pengeluaran barang dari kilang. Manakala sektor informal pula ialah peringkat pemasaran barang tersebut hingga sampai kepada pelanggan. Mengenai struktur jualan barang secara langsung, kajian yang dibuat oleh Noraziah Ali (1990), telah memberi satu penjelasan, bahawa sektor informal bandar belum bebas dari "kapitalisme", malah merupakan sebahagian daripada sistem itu sendiri. Dalam kajian beliau terhadap jurujual, telah memaparkan wujudnya hubungan langsung, di antara sektor formal dan sektor informal, sebagaimana yang diutarakan oleh Santos (1979). Kajian oleh Noraziah Ali (1990), mendapati bahawa organisasi sektor informal bermula dari pengeluar barang-barang berbagai jenama di sektor formal, iaitu industri pembuatan. Barang-barang keluaran industri tersebut diedar ke dalam pasaran melalui satu sistem bertangga, yang melibatkan wakil, pengedar atau penaja, berbagai peringkat jurujual dan akhir sekali pelanggan. Skema edaran tersebut, jelas menunjukkan hubungkait di antara sektor formal dan sektor informal. Gambarajah 1.2, menunjukkan bagaimana hubungan yang berlaku dalam sistem jualan langsung, yang menyebabkan perhubungan berlaku di antara sektor formal dan sektor informal.

**Gambarajah 1.2 Hubungan Antara Sektor Formal Dan Informal Dalam Struktur Jualan Barang-Barang Secara Langsung.**



Sumber: Noraziah Ali (1990), "Sektor Tak Formal Di Kalangan Wanita: Kes Jurujual Di Kajang, Selangor Darul Ehsan" *Ilmu Alam*, Jurnal Jabatan Geografi UKM, hlm. 15.

Contoh lain yang agak jelas wujudnya hubungan dalam aktiviti ekonomi sektor formal dan aktiviti ekonomi sektor informal dalam model "dualisme" ialah mengenai kegiatan menjaja di bandar-bandar. Penjaja menjalankan kegiatan menjaja di lokasi yang strategik, demi untuk menarik pelanggan. Oleh itu, kita dapat di persekitaran pejabat dan kilang menjadi tumpuan penjaja untuk menjaja, kerana di sini terdapat pasaran yang baik untuk mereka. Pekerja pejabat dan kilang adalah merupakan pengiat ekonomi sektor formal manakala penjaja pula ialah pengiat ekonomi sektor informal. Pekerja pejabat dan kilang

yang berpendapatan rendah, akan mendapat bekalan makanan dari penjaja yang berada di persekitaran tempat kerja mereka, kerana harga yang ditawarkan oleh penjaja kebiasaannya rendah. Manakala penjaja pula mengharapkan pelanggan dari pekerja-pekerja pejabat dan kilang berkenaan sebagai pasaran. Di sini, timbul hubungan yang saling perlu dan memerlukan. Berdasarkan contoh-contoh yang dipaparkan ini, jelas menunjukkan bahawa konsep "dualisme" ekonomi bandar bagi negara Dunia Ketiga sangat berperanan.

Walaupun konsep "dualisme ekonomi bandar" begitu meluas diperkatakan dan diterima ramai, namun konsep ini terdapat kelemahannya. Misalnya, pembahagian kepada sektor formal dan informal untuk membezakan kedua-dua kegiatan ekonomi bandar terlalu simplistik. Pembahagian antara formal dan informal adalah tidak selalunya selaras atau sama dalam setiap keadaan, kerana terdapat perbezaan angkubah-angkubah yang digunakan di antara satu kegiatan ekonomi dengan kegiatan ekonomi yang lain. Masalah akan wujud bila mana sesuatu aktiviti ekonomi itu mengandungi unsur-unsur informal. Kadang-kadang tanpa salah satu unsur ini, sesuatu kegiatan ekonomi itu tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Selain daripada itu, dikatakan sektor formal terdapat di bandar dan sektor informal terdapat di luar bandar. Angkubah ini banyak diperbincangkan kerana melalui kajian-kajian ekonomi, sektor informal bandar negara Dunia Ketiga memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi bandar. Tambahan pula, apabila dilihat dalam konteks individu yang menyertai sesuatu kegiatan ekonomi, didapati tidak semua yang miskin itu berada di sektor informal. Memandangkan timbul beberapa kekeliruan dalam pembahagian kegiatan ekonomi kepada sektor formal dan sektor informal di bawah konsep

"dualisme", maka konsep ini mendapat kritikan. Frank (1967), Candose dan Falleto (1969) dan lain-lain pengkaji melihat kelemahan konsep "dualisme" dengan mengemukakan hujah dan pandangan bahawa sesuatu kegiatan ekonomi itu bersifat kompleks dan agak sukar untuk difahami. Oleh yang demikian, mereka memperkenalkan "aliran pergantungan" bagi mengatasi masalah yang timbul. Pendekatan ini juga mempunyai kelemahannya dan pengkaji tidak bercadang untuk mengupas lanjut aliran ini kerana apapun percangahan pendapat yang timbul hanyalah merupakan masalah konseptual sahaja. Rata-rata pengkaji bandar mengakui kepentingan ekonomi sektor informal dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara, terutamanya ekonomi bandar Dunia Ketiga. Oleh itu, pihak pemerintah disarankan agar ekonomi sektor informal dimajukan dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan bandar (lihat McGee, 1997; 1982; McGee dan Yeung, 1977; Mohd Fauzi Yaacob, 1992 dan Mohd Razali Agus, 1988; 1992; 1994).

Dari segi konseptual, kajian ini menyandarkan konsep "dualisme ekonomi bandar" seperti yang dibincangkan dan pengkaji akan mencari, sama ada konsep ini masih wujud atau tidak di Kuala Lumpur. Berdasarkan konsep ini, pengkaji akan cuba mengupas pembangunan ekonomi bandar di bandar raya Kuala Lumpur dan menilai sejauh manakah peranan ekonomi sektor informal dalam menjana pertumbuhan pembangunan ekonomi bandar di bandar raya ini.

## **1.7 Definasi, Konsep Dan Ciri-Ciri Sektor Ekonomi Informal Bandar**

Telah diperbincangkan bahawa konsep "dualisme" ekonomi terdapat kelemahannya. Oleh itu, adalah agak sukar untuk memberi satu definasi yang tepat tentang sektor ekonomi informal. Walau bagaimanapun, ciri-ciri yang membezakan di antara ekonomi sektor formal dan ekonomi sektor informal sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.3, dapat membantu kita untuk memahami kedua-dua sektor ini. Dari segi definasi, sektor ekonomi informal bandar boleh difahami sebagaimana definasi yang diberi oleh Mohd Fauzi Yaacob (1992). Mengikut beliau, sektor ekonomi informal ialah "bahagian ekonomi bandar yang berfungsi di luar sistem moden hasilan industri, iaitu hasilan barang dan perkhidmatan di luar sektor korporat". Aktiviti-aktiviti seperti tukang kasut, tukang jahit, penjaja di tepi jalan, pekedai kecil, pemandu teksi dan sebagainya adalah tergolong dalam kegiatan ekonomi sektor informal. Berdasarkan definasi ini, maka dari segi konsepnya, sektor ekonomi informal adalah merupakan kegiatan ekonomi kecil-kecilan dan dilakukan secara persendirian. Struktur sektor ekonomi informal agak mudah dan ringkas. Walau bagaimanapun, aktiviti sektor ekonomi informal di bandar adalah penting dan merupakan satu peluang penduduk bandar mencari pendapatan. Dari segi konsep, kegiatan ekonomi sektor informal bandar adalah merupakan pelengkap kepada kegiatan ekonomi formal. Kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat dan amat sukar untuk dileraikan.

Mengikut Hart (1971) peluang pendapatan boleh diperolehi dari tiga punca utama. Pertama, peluang pendapatan formal seperti upah sektor awam, firma swasta (upah, dividen dan lain-lain). Kedua, peluang pendapatan informal yang

sah seperti aktiviti primer dan sekunder (pertanian, kontraktor bangunan, tukang jahit, pelukis individu, tukang kasut dan lain-lain), perusahaan ketiga dengan input modal yang besar (perumahan, pengangkutan dan lain-lain), pengagihan bersekala kecil (peniaga kecil, penjaja jalanan dan lain-lain), perkhidmatan lain (pemuzik, tukang gunting, jurugambar dan lain-lain) dan bayaran pindahan swasta (haddiah, pinjaman dan sebagainya). Ketiga, peluang pendapatan informal yang tidak sah seperti penyeludup, perasuah, pelacur dan lain-lain serta pendapatan pindahan seperti penyeluk saku, pemain judi dan lain-lain.

Bagi memahami konsep sektor informal dengan lebih jelas, di sini sekali lagi diperbincangkan penjelasan-penjelasan yang diutarakan oleh Hart (1971), ILO (1972), Santos (1979) dan Bromley (1979) yang telah memperjelaskan kegiatan dan ciri-ciri yang membezakan di antara sesuatu kegiatan itu sama ada sektor formal atau sektor informal:-

**a) Halangan Kemasukan**

Sektor formal susah untuk dimasuki atau diceburi kerana ia memerlukan kemahiran yang tinggi. Manakala bagi mendapat kemahiran pula, selalunya diperolehi melalui pendidikan secara formal. Sektor informal senang dimasuki, kerana ia tidak memerlukan kemahiran yang tinggi. Sesiapa sahaja boleh melibatkan diri dengan kegiatan informal tanpa halangan dari segi umur atau jantina dan jika memerlukan kemahiran pun hanya sedikit sahaja, yang boleh diperolehi melalui kawan, keluarga dan sebagainya.

**b) Penggunaan Modal**

Sektor formal menggunakan modal yang besar. Kebiasanya, modal asing dilaburkan dalam sektor formal. Sedangkan sektor informal, penggunaan modal bersaiz kecil dan bercorak tempatan.

**c) Pemilikan**

Dari segi pemilikan, sektor formal merupakan hak milik korporat ataupun institusi yang besar. Manakala sektor informal, dimiliki oleh individu ataupun keluarga.

**d) Tingkat Operasi**

Sektor formal beroperasi secara besar-besaran. Sedangkan sektor informal, operasinya secara kecil-kecilan.

**e) Teknologi**

Sektor formal menekankan intensif-modal dan selalunya menggunakan teknologi yang tinggi dan canggih. Teknologi yang sebegini, selalunya diimport dari luar. Manakala sektor informal yang menekankan intensif-buruh, lebih menggunakan teknologi tempatan dan yang diubah-suai.

**f) Kemahiran**

Dari segi kemahiran, sektor formal memperolehi kemahiran secara formal dan menggunakan kepakaran asing. Manakala sektor informal pula, tidak memerlukan kemahiran. Jika diperlukan kemahiran pun, hanyalah di peringkat asas dan rendah yang boleh

diperolehi di luar pendidikan formal seperti melalui keluarga dan kawan-kawan.

**g) Pasaran**

Pasaran di sektor formal dilindungi oleh berbagai-bagai sistem seperti sistem kuota, cukai, tarif, lesen dan sebagainya. Manakala pasaran di sektor informal tidak dikawal dan ianya bebas bersaing.

**h) Peraturan Kerja**

Sektor formal menggunakan peraturan dan masa kerja yang tetap. Sedangkan sektor informal tiada peraturan kerja dan jadual kerja yang tetap.

**i) Perlindungan**

Sektor formal diberi perlindungan secukupnya, melalui peraturan dan perundangan yang ditetapkan, manakala sektor informal tiada perlindungan yang cukup.

Berdasarkan ciri-ciri yang memisah dan membezakan di antara sektor formal dan sektor informal sebagaimana yang dibincangkan, maka ciri-ciri sektor informal adalah seperti senang dimasuki, penggunaan intensif-buruh, pemilikan individu atau keluarga, operasi berskala kecil, menggunakan teknologi tempatan, kemahiran yang rendah dan diperolehi di luar sektor formal, pasaran bebas dan bersaing, tiada peraturan kerja yang tetap serta kegiatannya tidak dilindungi. Antara aktiviti sektor informal termasuklah menjadi penjaja, buruh binaan dan

pembuatan, tukang jahit, pembantu rumah, tukang gunting dan lain-lain lagi (Mohd Fauzi Yaacob, 1992; Nor Aini Hj Idris, 1996).

Walaupun digariskan ciri-ciri yang membeza-pisahkan di antara sektor formal dan informal, tetapi sangat sukar untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti itu sektor formal atau informal. Ini kerana sesetengah ciri sektor informal terdapat pada aktiviti ekonomi sektor formal dan sebaliknya (Mohd Fauzi Yaacob, 1992). Oleh yang demikian, bagi mengatasi kesukaran untuk menentukan sesuatu kegiatan ekonomi bandar itu sama ada sektor formal atau informal, maka Mohd Fauzi Yaacob (1992) menyatakan walaupun kegiatan ekonomi tidak digolongkan dalam sektor formal, tetapi terdapat ciri-ciri ekonomi informal pada kegiatan ekonomi berkenaan, maka ianya boleh dirumuskan sebagai sektor informal mengikut definisi, sebagaimana yang diperjelaskan oleh Field, Chan dan Ginding (1985) iaitu sektor "informal bebas" dan sektor "informal kuasi".

Sesuatu aktiviti ekonomi informal itu dipanggil "informal bebas" jika ciri-cirinya merangkumi aspek-aspek kemasukan ke sesuatu aktiviti bebas tanpa larangan, penyediaan kos yang rendah, tiada waktu tetap dari segi masa beroperasi, bekerja sendiri, guna tenaga keluarga tanpa bayaran upah, tenaga kerja tanpa latihan dan tiada spesifikasi hubungan jalinan kerja. Manakala "informal kuasi" pula, mempunyai ciri-ciri seperti kemasukan terhad, kerana kos penyediaan tinggi, keperluan syarat yang sukar oleh pihak berkuasa, waktu operasi yang tidak tetap dan penggunaan tenaga kerja keluarga yang tidak mahir dengan jalinan hubungan tertentu sahaja.

Di negara-negara Dunia Ketiga, bentuk ekonomi informal boleh dianggap sebagai salah satu jalan keluar dalam menghadapi kebuntuan akibat tidak cukup pekerjaan di sektor formal untuk tenaga pekerja yang berlebihan (Drakakis-Smith, 1987). Selain daripada itu, sektor informal adalah pelengkap kepada sektor formal sehingga ada pandangan yang menyatakan tanpa sektor informal, sistem ekonomi sesebuah negara tidak mungkin dapat digerakkan (Noraziah Ali, 1990).

Sementara itu, penduduk yang terlibat di dalam sektor informal tidak terhad kepada golongan yang gagal mencari pekerjaan di sektor formal sahaja. Ramai yang menjalankan aktiviti ekonomi informal secara sepenuh masa dan bagi mereka pekerjaan itu adalah sumber utama pendapatan keluarga. Dalam pada itu, sifat informal aktiviti ekonomi tertentu juga memberi kesempatan kepada orang yang terlibat menjalankannya secara sambilan tanpa menjelaskan tugas-tugas lain sebagai mencari pendapatan sampingan.

### **1.8 Definasi, Konsep Dan Ciri-Ciri Penjajaan Di Kuala Lumpur**

Mengikut Kamus Dewan, perkataan jaja, menjaja dan berjaja bermaksud mencari rezeki (nafkah, pendapatan dan sebagainya) dengan membawa barang dagangan berkeliling untuk dijual. Jajaan pula adalah bermaksud benda atau barang yang dijajakan. Manakala penjaja bererti perbuatan (kerja) menjaja atau orang yang berjaja (DBP, 1991:468).

Mengikut Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (1995), penjaja didefinisikan sebagai peniaga kecil yang menjalankan aktiviti penjajaan secara statik atau bergerak (beredar) di tempat-

tempat seperti gerai, kedai runcit, rumah kedai, warong, kaki lima, kompleks/arked perniagaan, restoran, pasar, pasar malam, pasar tani, pekan sehari dan lain-lain lagi. Manakala barang jajaanya pula termasuklah hasil keluaran pertanian/ perikanan, pakaian, ubat-ubatan dan lain-lain perkakas/barangan keperluan isi rumah yang pada kebiasaannya berharga rendah.

Di bandar raya Kuala Lumpur, terdapat dua kumpulan penjaja. Pertama, ialah kumpulan penjaja berlesen. Manakala kedua, ialah kumpulan penjaja tanpa lesen (penjaja haram). Penjaja berlesen, ialah kumpulan penjaja yang menjaja dengan kebenaran DBKL, manakala penjaja tanpa lesen ialah kumpulan penjaja yang menjaja tanpa kebenaran. Mereka juga dikatakan menjaja secara gelap dan menyalahi peraturan pentadbiran bandar raya Kuala Lumpur. Walaupun menjaja tanpa lesen di Kuala Lumpur merupakan satu kesalahan, terdapat keskes di mana penjaja tanpa lesen dapat menjaja bertahun-tahun lamanya, tanpa gangguan oleh pihak DBKL. Pada DBKL, konsep penjaja adalah merangkumi penjaja berlesen dan tidak berlesen yang mengusahakannya secara persendirian dan bersekala kecil. Lesen dikeluarkan kepada penjaja bertujuan untuk mengawal kegiatan menjaja agar mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan, supaya keselesaan bandar tidak terhalang oleh kegiatan menjaja. Penjaja tanpa lesen juga berpeluang mendapatkan lesen sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

DBKL memberi perhatian kepada penjaja berlesen kerana penjaja berlesen sahaja direkod secara rasmi oleh DBKL. Keadaan ini seolah-olah konsep menjaja pada DBKL hendaklah berlesen, walhal terdapat juga penjaja

tanpa lesen menjalankan kegiatan menjaja bertahun-tahun lamanya tanpa halangan daripada pihak DBKL. Walaupun konsep menjaja pada DBKL menekankan "berlesen", ini tidak bermakna ia mengubah konsep awam, iaitu menjaja sebagai kegiatan ekonomi sektor informal. Ini kerana konsep sektor informal agak luas dan sekiranya sesuatu kegiatan ekonomi mempunyai ciri-ciri sektor informal, maka ia dianggap ekonomi sektor informal. Jika terdapat sedikit halangan, maka ia merupakan sektor "informal kuasi". Dalam hal ini, didapati kegiatan menjaja di Kuala Lumpur terdapat sedikit halangan kemasukan melalui perlesenan, yang bertujuan untuk mengawal aktiviti ini, agar ianya tidak menimbulkan masalah kepada komuniti bandar yang lain. Oleh itu, seperti mana yang telah dijelaskan dalam perkara 1.7, iaitu kegiatan menjaja di Kuala Lumpur adalah tergolong dalam sektor "informal kuasi".

Konsep menjaja yang digunakan dalam kajian ini, adalah merujuk kepada penjaja berlesen kerana kumpulan penjaja ini lebih dominan di bandar raya Kuala Lumpur. Namun, ianya tidak mengubah "konsep awam sektor informal" kerana menjaja, sama ada berlesen ataupun tidak, mempunyai ciri-ciri asas yang sama, iaitu merupakan suatu kegiatan ekonomi secara persendirian dan bersaiz kecil, yang diusahakan sebagai peluang pekerjaan dalam mencari pendapatan.

Terdapat dua kaedah menjaja yang dapat dikesan di bandar raya Kuala Lumpur, iaitu menjaja secara statik (tetap) dan bergerak. Penjaja statik ialah kegiatan menjaja secara tetap di pasar, pusat-pusat penjaja, tepi jalan dan tepi dinding bangunan. Kebiasaannya, penjajaan kategori ini mempunyai struktur bangunan (gerai) yang tetap. Manakala penjajaan bergerak pula ialah penjaja yang beredar dari satu tempat ke satu tempat seperti di pasar-pasar malam,

kawasan perumahan, kawasan pejabat/kilang dan tempat-tempat awam yang lain. Mereka menggunakan kenderaan yang diubahsuai seperti kereta, van, beca dan basikal. Mereka tidak membina struktur (gerai) yang kekal kerana kegiatan mereka berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Kalau ada yang membina struktur (gerai) ianya berkonseptan sementara seperti payung yang senang dialih atau dipindahkan. Kedua-dua bentuk penjaan ini memerlukan lesen daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengenai barang yang dijaja pula terdiri daripada barang makanan dan bukan makanan. Ada yang menjaja makanan bermasak dan makanan mentah. Manakala barang bukan makanan adalah seperti peralatan-peralatan kecil, ubat-ubatan, pakaian dan sebagainya. Barang ini dijual dengan harga yang rendah dan berpatutan kerana tidak banyak kos yang terlibat (perbincangan lanjut dalam Bab 4 dan Bab 5).

Oleh kerana menjaja merupakan aktiviti sektor informal, maka ciri-ciri yang terdapat pada sektor informal adalah juga merupakan ciri-ciri penjajaan. Iaitu menjaja adalah kegiatan yang mudah diceburi, operasi bersekala kecil, menggunakan sumber tempatan, intensif buruh dan menggunakan teknologi yang diubahsuai/ringkas, tahap kemahiran yang rendah dan menghadapi pasaran yang tetap dan berhadapan dengan persaingan. Oleh itu, untuk menceburkan diri dengan aktiviti penjajaan adalah sangat mudah, walaupun pihak berkuasa menetapkan beberapa peraturan yang bertujuan untuk mengawal aktiviti ini agar tidak menimbulkan kacau ganggu kepada orang ramai (perbincangan lanjut dalam bab seterusnya).

Mengikut Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob (1986), satu ciri yang menonjol tentang populasi penjaja ialah taraf pelajaran yang rendah di kalangan mereka. Implikasinya ialah bahawa seseorang itu tidak memerlukan taraf pelajaran/kemahiran yang tinggi, mahupun latihan yang khusus untuk menjadi penjaja. Bidang ini boleh diterokai oleh sesiapa sahaja, termasuk mereka yang tidak berpelajaran formal atau tercicir darinya. Modal yang diperlukan juga tidak besar. Apa yang mesti ada pada mereka hanyalah minat untuk berniaga, cara-cara untuk menarik pelanggan dan sedikit sebanyak kemahiran menyimpan akaun untuk menjayakan usaha yang dijalankan itu. Penjajaan juga boleh mendatangkan pendapatan yang berpatutan, berbanding dengan kos dan modal yang dikeluarkan. Oleh itu, ramai orang menceburi bidang penjajaan sebagai peluang untuk mencari nafkah. Ada yang melibatkan diri secara sepenuh masa, malah penjajaan adalah pekerjaan utama dalam meneroka ekonomi bandar. Ada juga yang menjadikan penjajaan sebagai kerja sampingan dalam usaha untuk menambah pendapatan keluarga. Ini kerana aktiviti menjaja senang diceburi dan sesiapa sahaja boleh melakukannya tanpa menghadapi banyak halangan dan tidak menjejaskan kerja utama mereka.

## **1.9 Beberapa Kajian Dan Penulisan Tentang Ekonomi Sektor Informal**

Konsep sektor ekonomi informal, diperbincang dan diutarakan oleh ahli-ahli sains sosial sebelum tahun 1970 lagi. Misalnya Boeke (1960) telah membincangkan konsep sektor formal dan informal dalam kegiatan ekonomi masyarakat. Manakala Geertz (1963) telah memperkatakan tentang konsep ekonomi bazar dan ekonomi firma. Walaupun begitu, istilah sektor ekonomi informal tidak dipopularkan oleh para sarjana Barat kerana situasi yang terdapat di bandar Barat agak berlainan dengan kebanyakan bandar besar di negara-negara yang sedang membangun (Mohd Razali Agus, 1992). Sektor ekonomi informal tidak diberi penekanan oleh para sarjana Barat sebelum 1970 kerana sektor informal juga lebih tertumpu di negara-negara Dunia Ketiga yang mundur. Manakala sektor ekonomi formal pula kebanyakannya terdapat di negara Barat yang maju dan moden.

Selepas tahun 1970, sektor informal telah mula diberi perhatian dan mula popular apabila Hart (1971) dalam kajian beliau di Accra, Ghana Selatan menggunakan pendekatan "dualisme" untuk memahami sistem ekonomi bandar. Fokus utama kajian tersebut ialah mengenai kemasukan pendatang baru ke dalam pasaran tenaga kerja bandar yang terpaksa bekerja sendiri. Keadaan ini didapati berpunca dari kekurangan jumlah pekerjaan di sektor formal, manakala di pihak tenaga pekerja, mereka tidak cukup kepakaran kerana kurang pengalaman dan kemahiran. Sektor formal dan sektor informal tetap memainkan peranan penting dalam menarik tenaga kerja dan mempengaruhi aliran migrasi desa-bandar. Oleh itu, Hart (1971) telah menekankan bahawa sektor informal adalah penting dan banyak peluang-peluang yang wujud dalam sektor informal

bandar. Beliau telah memperinci dengan kemas tentang perbedaan utama ciri-ciri yang membezakan di antara sektor ekonomi formal dan sektor ekonomi informal untuk memudahkan pihak berkuasa menggubal dasar-dasar awam bagi menjaga kepentingan golongan yang terlibat dengannya.

Menyedari betapa pentingnya sektor informal terhadap pembangunan bandar khususnya untuk kelompok yang berpendapatan rendah dan miskin bandar meneroka ekonomi bandar, maka Pertubuhan Buruh Antara Bangsa (ILO) pada tahun 1972 telah mula memperkembangkan konsep sektor ekonomi informal sebagai salah satu petunjuk utama dalam membincangkan proses pembangunan. Alasan utama menggunakan sektor informal oleh ILO dan Suruhanjaya Pekerjaan Kenya (1972) ialah bahawa faedah daripada dasar pembangunan yang umum sangat sukar dan lewat dikecapi oleh golongan yang berpendapatan rendah kerana ia mengambil masa yang agak panjang untuk sampai ke kelompok sasaran. Pembangunan yang berkesan, memerlukan penumpuan tatacara yang terus kepada kelompok sasaran tersebut. Oleh itu, ILO mengambil perhatian bahawa kelompok sasaran yang paling penting diberikan tumpuan di kawasan-kawasan bandar ialah yang terlibat dengan sektor informal. Ini kerana ciri-ciri utama sektor informal boleh menggiatkan pertumbuhan perniagaan baru, kerana ia adalah amat mudah untuk dimasuki tidak sebagaimana sektor formal.

Konsep ekonomi sektor formal dan informal, mula popular selepas penekanan diberi oleh ILO (1972) dan istilah informal dalam membincangkan kegiatan ekonomi di luar daripada sektor formal mula diambil perhatian oleh para ahli sains sosial dan diperdebatkan. Pembahagian sektor kepada "sektor formal"

dan "sektor informal" sebagaimana yang diperjelaskan oleh Hart (1971), ILO (1972) dan Bromley (1979) merupakan satu pemikiran atau pendekatan yang dipanggil "dualisme". Pendekatan ini dikenalpasti terdapat kelemahan dan beberapa kritikan telah diutarakan oleh para penyelidik. Ini kerana ianya tidak selaras atau tidak sama dalam setiap keadaan, kerana angkubah-angkubah yang digunakan berbeza antara suatu aktiviti ekonomi dengan aktiviti ekonomi yang lain, terutamanya apabila pembahagian ini dikaitkan dengan negara-negara Dunia Ketiga.

Frank (1967) dan Moser (1978) telah mengenengahkan aliran "pergantungan" bagi mengatasi kelemahan pendekatan "dualisme". Menurut aliran "pergantungan", dalam kegiatan-kegiatan pengeluaran di sektor informal yang berasaskan punca-punca pengeluaran tempatan sekarang adalah di peringkat peralihan antara punca-punca pengeluaran zaman pra-kapitalis atau feudal dan punca-punca pengeluaran kapitalis. Ini menunjukan bahawa pasaran buruh adalah terlalu kompleks dan berpecah-pecah menjadi bahagian kecil dari segi perhubungan buruh, sama ada di sektor formal atau sektor informal dan sektor bandar atau luar bandar. Implikasinya, di bandar terdapat pelbagai perbezaan sosial yang kompleks dan menyukarkan untuk mengenalpasti golongan matlamat atau sasaran yang perlu diberi perhatian, kerana tidak semua yang miskin itu berada di sektor informal. Sesetengahnya kegiatan informal dapat meningkat sosioekonomi orang-orang yang terlibat dengannya. Selain daripada itu, kelemahan aliran "pergantungan" juga dikenal pasti, terutamanya dari segi pola-pola pertumbuhan dan perkembangan sektor informal.

Mazumdar (1976) dalam perbincangan beliau mengenai kegiatan sektor informal, menyatakan bahawa sektor informal adalah "sektor yang tidak dilindungi". Beliau cuba memaparkan bagaimana sektor formal mendapat secukup "perlindungan" dan beberapa kemudahan yang mana ini sukar diperolehi oleh sektor informal, melainkan golongan dalam sektor informal itu sendiri berusaha untuk melepas pelbagai halangan birokrasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Sebenarnya, jika dilihat secara menyeluruh konsep "perlindungan" yang diperkatakan oleh Mazundar ini agak kabur dan sukar diaplikasikan pada kebanyakan negara Dunia Ketiga. Ini kerana ciri-ciri ekonomi utama bagi negara Dunia Ketiga ialah sektor informal (Foster-Carter, 1985; Darkakis-Smith, 1981; 1987; Maimunah Ismail, 1990) dan sesetengah kegiatan sektor informal diberi perlindungan daripada persatuan-persatuan yang diwujudkan dan juga parti-parti politik yang bertindak sebagai penyelamat dan penaung bila berhadapan dengan masalah atau pihak-pihak tertentu (Mohd Razali Agus, 1992).

Santos (1979) dan Bromley (1979) dalam penelitiannya terhadap sektor formal dan informal dalam model dualistik telah memperincikan takrif dan ciri-ciri sektor informal. Di antara kedua-dua sektor ini dilihat bahawa ada hubungan kait-mengait di antara satu sama lain. Perhubungan yang wujud saling lengkap-melengkapi, walaupun wujud perbezaan yang ketara dari segi organisasi dan teknologi yang digunakan di antara kedua-dua sektor ini. Adanya hubungan yang kait-mengait ini pula telah dilihat oleh Santos (1979) sebagai "litar atas dan litar bawah" bagi membuat perbandingan dan perhubungan antara kedua-dua sektor tersebut. Pandangan Santos (1979) terhadap konsep sektor informal

menunjukkan betapa luas dan besarnya peranan sektor informal dalam kegiatan ekonomi di negara Dunia Ketiga, terutamanya kegiatan ekonomi bandar.

McGee (1977; 1979; 1982) dikatakan telah memberi sumbangan yang sangat bermakna kepada pembangunan pembandaran Dunia Ketiga, dengan memberi pandangan dan cadangan. Berdasarkan pengalaman beliau di Kuala Lumpur dan kemudiannya di Hong Kong, McGee telah mengemukakan idea-idea yang lebih sesuai dengan keadaan di Dunia Ketiga. Dengan teori "urban involution", McGee membicarakan perkembangan sektor ekonomi bandar itu sebagai dipengaruhi oleh proses "dependent capitalism". Berdasarkan konsep yang digunakan oleh Geertz (1963) iaitu konsep ekonomi bazar dan ekonomi firma, beliau meneliti pembangunan ekonomi bandar Dunia Ketiga. Dalam penelitian beliau, sektor informal dilihat sebagai sektor yang mempunyai kekurangan dari berbagai segi. Untuk membantu mereka, McGee menyarankan perlaksanaan dasar awam yang memberi keutamaan kepada sektor informal. Program refomasi dan penggalakan sektor informal melalui dasar awam boleh membawa pembangunan. Dengan bantuan dan pertolongan daripada pihak berkuasa dapat memberi manfaat kepada golongan yang berpendapatan rendah. Beliau juga mencadangkan agar diadakan pembangunan yang konvesional dan secara radikal terhadap sektor informal. Pendekatan ini dapat membantu ke arah peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya dapat pula menyalurkan pendapatan yang lebih meluas kepada golongan yang berpendapatan rendah dan kegiatan ekonomi yang lain.

Dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan berpendapatan rendah di negara Dunia Ketiga, saranan yang pernah diutarakan

oleh McGee (1977, 1978, 1982) telah diambil perhatian oleh kebanyakan negara Dunia Ketiga. Berbagai-bagai langkah dan strategi telah diambil oleh pihak berkuasa, untuk menjaga kepentingan dan membangunkan sektor informal, agar orang-orang yang terlibat dengannya mendapat perhatian. Dalam pada itu, kepesatan perkembangan sektor informal juga mula menarik minat para penyelidik untuk melihat peranan dan permasalahan sektor ini dalam pembangunan ekonomi dan sebagai punca penduduk mencari pendapatan, sama ada secara sepenuh masa atau sebagai kerja sambilan, untuk menambah pendapatan keluarga.

### **1.10 Beberapa Kajian Dan Penulisan Mengenai Sektor Informal Di Malaysia**

Di Malaysia, kegiatan ekonomi sektor informal dan peranannya dalam sosioekonomi penduduk sangat bermakna, terutamanya di bandar-bandar. Ini dapat dikesan melalui kajian-kajian yang pernah dibuat oleh para penyelidik. Berbagai-bagai isu dan permasalahan tentang sektor informal telah dilaporkan. Oleh itu, untuk memahami secara menyeluruh dan mendalam tentang kegiatan sektor ini, pengkaji akan memaparkan beberapa kajian yang pernah dibuat, mengikut isu dan permasalahan yang diketengahkan.

#### **i) Pembahagian Sektor Informal Kepada “Informal Bebas” Dan “Informal Kuasi”**

Mohd Fauzi Yaacob (1992) menjelaskan bahawa sektor informal adalah sangat penting di Malaysia. Ini kerana ia memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan di bandar. Selain daripada penjajaan dan peruncit, kegiatan ekonomi informal juga terdapat dalam industri

pengangkutan, perkhidmatan, penyenggaraan dan lain-lain yang bilangannya bertambah setiap tahun. Selain daripada punca pekerjaan tetap, sektor informal juga bertindak sebagai sektor untuk menambah pendapatan, terutama untuk pekerja di sektor formal yang melibatkan diri di sektor informal sebagai kerja tambahan di luar sektor formal.

Mengikut Mohd Fauzi Yaacob, tidak ada data-data dan maklumat lengkap aktiviti sektor informal. Oleh itu, penjelasan yang berkualiti tidak dapat ditunjukkan. Walaupun begitu, sektor informal merupakan "harapan terakhir" kepada penduduk untuk mencari nafkah. Oleh kerana aktiviti sektor informal itu berbagai-bagai, maka bagi Mohd Fauzi Yaacob, sesetengah aktiviti seperti pengusaha-pengusaha kecil seperti kedai runcit, kedai makan dan lain-lain agak sukar untuk ditentukan sama ada aktiviti berkenaan sektor informal atau formal. Bagi menentukannya, hendaklah dilihat pada ciri-ciri aktiviti berkenaan. Sekiranya terdapat ciri-ciri sektor informal pada aktiviti berkenaan, ianya hendaklah dirumuskan kepada sektor informal mengikut definisi. Iaitu sektor "informal bebas" dan sektor "informal kuasi".

Dikatakan sektor "informal bebas" bila mana kemasukan ke sesuatu aktiviti itu tanpa halangan, penyediaan kos yang rendah, waktu operasi yang tidak tetap, bekerja sendiri, tenaga kerja keluarga tanpa gaji, tenaga kerja tanpa latihan dan tiada spesifikasi hubungan jalinan kerja. Manakala sektor "informal kuasi" pula ialah kemasukan ke sesuatu aktiviti terhad kerana kos penyediaan yang tinggi, keperluan syarat yang sukar oleh pihak berkuasa, waktu operasi yang tidak tetap dan penggunaan

tenaga kerja keluarga yang tidak mahir dengan jalinan hubungan tertentu sahaja.

**ii) Pengusaha Dan Perniagaan Kecil Sebagai Sektor Informal**

Para penjaja dan perniaga-perniaga kecil di Malaysia, dapat dikesan dari segi populasi iaitu di kawasan-kawasan bandar. Ini kerana peluang untuk menjaja dan berniaga secara kecil-kecilan banyak terdapat di bandar, terutamanya dari segi permintaan terhadap barang yang dijaja atau diniagakan. Kajian oleh Mohd Fauzi Yaacob (1978;1981) terhadap peniaga-peniaga dan perniagaan-perniagaan Melayu di Kota Bharu Kelantan, mendapati sebahagian besar daripada mereka terdiri daripada peniaga-peniaga kecil yang tergolong dalam sektor informal. Mereka dikategorikan sebagai perniaga "chandler" iaitu bentuk perniagaan yang tidak membangun atau sukar untuk berkembang.

Mohd Fauzi Yaacob mendedahkan bahawa kebanyakan mereka berumur agak lanjut (dalam lingkungan 50-an), taraf pelajaran rendah walaupun rata-rata mereka menerima pendidikan formal, tiada pengetahuan yang mendalam mengenai selok-belok perniagaan dan tidak berdaya maju. Barang yang didagangkan juga terdiri daripada barang-barang tradisional seperti alat tulis, kraftangan, makanan tradisional, gunting rambut, jualan runcit dan sebagainya. Mereka juga merupakan jenerasi pertama menjalankan perniagaan dan hasil daripada kegiatan perniagaan inilah merupakan sumber pendapatan untuk menyara keluarga. Hanya sebahagian kecil sahaja peniaga yang dikaji bersaiz

sederhana dan berdaya maju dan boleh dikategorikan sebagai "usahawan".

Mohd Taib Dora (1984) membuat kajian terhadap penjual-penjual ubat di Kuala Lumpur. Manakala dalam aspek perkhidmatan pula Yusof Harun (1984) membuat kajian tentang perkhidmatan dan gaya hidup pemandu teksi. Kelompok yang dikaji oleh kedua-dua pengkaji ini memaparkan bahawa mereka memperolehi pendapatan yang agak lumayan, walaupun melibatkan diri dalam sektor informal. Misalnya, kira-kira 60 peratus penjual ubat di kaki lima mempunyai pendapatan bulanan RM 1,000.00 sebulan dan lebih daripada 50 peratus pemandu teksi yang dikaji mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM 700.00 sebulan.

Sementara itu, kajian oleh Nor Aini Hj.Idris (1992) ke atas peniaga-peniaga wanita pasar di Kelantan memberi gambaran yang berlainan daripada kelompok yang dikaji oleh Mohd Taib Dora (1986) dan Yusof Harun (1984). Hasil kajian oleh Nor Aini Hj.Idris (1992) mengenai peniaga-peniaga wanita mempunyai ciri-ciri yang sama sebagaimana yang diperkatakan oleh Mohd Fauzi Yaacob (1978). Mereka bermiaga sebagai peniaga kecil (penjaja) untuk mencari nafkah bagi menyara keluarga. Bagi wanita yang menjadi ketua keluarga, melalui aktiviti inilah punca pendapatan mereka. Manakala sebahagian lagi wanita yang menjalankan kegiatan ini, semata-mata untuk mencari pendapatan tambahan untuk membantu sosioekonomi keluarga. Mengikut pengkaji ini lagi, kegiatan wanita yang dikaji berdepan dengan pelbagai masalah. Namun,

penglibatan tenaga wanita dalam kegiatan perniagaan kecil melambangkan semangat bermula yang gigih di kalangan wanita Pantai Timur Malaysia.

Rumusan daripada kajian-kajian ini menunjukkan bahawa para peniaga kecil/penjaja dan pengusaha menjalankan kegiatan untuk mencari nafkah dan menyara kehidupan keluarga. Dengan modal yang kecil (biasanya modal harian), tenaga kerja keluarga, menghadapi persaingan yang luas dan kemahiran yang terhad, maka pendapatan mereka tidak menentu. Sebagai salah satu kegiatan dalam sektor informal yang senang diceburi, kegiatan ini begitu meluas di bandar-bandar.

### **iii) Penglibatan Wanita Dalam Sektor Informal**

Yeoh Suan Paw (1982) dalam kajiannya mengenai penglibatan wanita dalam aktiviti informal di Malaysia telah menggunakan data-data pekerjaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Kajian beliau mengandaikan bahawa wanita yang dikategorikan terlibat dalam sektor informal merupakan pekerja sendiri dan bekerja dengan keluarga tanpa upah. Walaupun klasifikasi begini kurang sesuai, tetapi sekurang-kurangnya telah memberi satu gambaran yang menyeluruh mengenai penglibatan wanita dalam sektor informal. Berdasarkan kategori pekerja sendiri dan pekerja keluarga tanpa upah yang diuraikan oleh pengkaji ini untuk melihat penglibatan penduduk dalam sektor informal, maka didapati sektor pertanian, perhutanan, perikanan merupakan kegiatan yang paling ramai melibatkan penduduk. Kemudian diikuti oleh perdagangan dan runcit, restoran dan hotel, perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian yang lain. Didapati juga guna tenaga wanita membentuk 50

peratus pekerja tanpa upah dan hampir 30 peratus merupakan pekerja sendiri. Di sini menggambarkan bahawa proses pembandaran dan perindustrian, ternyata tidak banyak mengubah peratus wanita yang terlibat dalam sektor informal. Malah sektor informal banyak membuka peluang pekerjaan kepada penduduk berpendapatan rendah dan miskin terutamanya wanita.

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan wanita dalam sektor informal adalah penting. Sama ada penglibatan secara sepenuh masa atau sebagai kerja sampingan telah dapat membantu sosioekonomi keluarga. Noraziah Ali (1990) dalam kajiannya mengenai penglibatan wanita dalam sektor informal di Bandar Kajang Selangor sebagai jurujual, telah membuktikan keadaan ini. Rumusan daripada kajian beliau mendapati bahawa wanita yang terlibat dalam aktiviti jurujual terdiri daripada berbagai-bagai golongan. Ada di kalangan mereka merupakan surirumah dan ramai pula yang mempunyai pekerjaan tetap di sektor formal. Masing-masing mempunyai cara tersendiri menjalankan kegiatan sebagai jurujual, yang disesuaikan dengan tugas utama mereka di sektor formal.

Mengikut Noraziah Ali, organisasi sektor informal sebagai jurujual bermula dari pengeluaran barang di sektor formal, iaitu industri pembuatan. Barang keluaran industri tersebut diedar ke dalam pasaran melalui sistem "jualan langsung" mengikut kaedah "sistem bertangga" yang melibatkan wakil pengedar atau penaja, berbagai-bagai peringkat jurujual dan akhir sekali pelanggan. Skema edaran tersebut jelas

menunjukkan hubungkait antara sektor formal dan informal. Sistem berbentuk piramid ini memberi implikasi bahawa pencapaian keuntungan seseorang jurujual adalah bergantung kepada jumlah barang yang dijual.

Penglibatan wanita sebagai jurujual di kawasan kajian boleh dilihat dari dua perspektif. Pertama peringkat individu, di mana pendapatan yang disumbangkan oleh sektor informal dapat menambah pendapatan keluarga dari segi sosioekonomi dengan melakukan kerja sampingan tersebut. Pekerjaan sampingan tersebut juga merupakan cara yang terbaik untuk mengisi masa lapang wanita di samping memberi latihan dan pendedahan kepada wanita tentang selok-belok bermiaga. Kedua, penglibatan wanita dalam bidang jurujual merupakan penggerak sistem "jualan langsung" (sektor informal) dan mereka diperlukan untuk memasarkan barang keluaran kilang berkenaan (sektor formal).

Nor Aini Hj. Idris dan Faridah Shahadan (1989) juga mengakui bahawa wanita berperanan penting dalam menyumbangkan pendapatan isirumah. Melalui kajian mereka ke atas perniaga kecil wanita di Pasar Besar Kota Bharu Kelantan, mendapati tujuan utama mereka bermiaga adalah untuk menampung pendapatan keluarga. Berniaga secara kecil-kecilan adalah suatu kegiatan di sektor informal yang agak sesuai dengan keadaan fizikal wanita, ditambah pula dengan tidak memerlukan modal yang besar serta peluang untuk melibatkan diri sentiasa terbuka, walaupun berdepan dengan pelbagai masalah. Penglibatan mereka dapat

menampung pendapatan suami dan sedikit sebanyak mengatasi masalah kemiskinan.

Keseluruhannya, penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi informal adalah penting dan amat sukar untuk dikuantitikan. Penglibatan mereka ternyata dapat meningkatkan taraf ekonomi keluarga dan merupakan salah satu daya penggerak sistem ekonomi terutamanya di bandar. Rata-rata pengkaji menyarankan agar fenomena ini seharusnya digalakkan dan buka diambil kesempatan oleh mana-mana pihak.

**iv) Sektor Informal Sebagai Peluang Pekerjaan Dan Pasaran Makanan Golongan Berpendapatan Rendah**

Samad Hadi (1985) telah melihat isu ini sebagai suatu fenomena yang penting dan sangat berperanan di bandar. Beliau menghurai dan memaparkan satu pandangan terhadap peranan sektor informal (penjaja dan perniaga kecil) dari segi peluang pekerjaan dan pasaran makanan di kalangan kumpulan miskin di bandar Malaysia. Mengikut Samad Hadi, kemiskinan bandar di Malaysia tidak seburuk sesetengah negara lain, di mana penduduknya tiada tempat tinggal dan tidur di kaki lima, mencari nafkah di tong-tong sampah dan sebagainya. Di Malaysia sektor informal memainkan peranan penting dari segi peluang pekerjaan kerana mereka yang melibatkan diri tidak sedikit bilangannya. Lebih-lebih lagi sektor informal merupakan pembekal saluran makanan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan miskin bandar.

Dalam penelitian penulis ini, mendapati barang makanan kepada penduduk bandar disebar melalui sektor formal seperti di pusat membeli belah, pasar besar dan kecil dan sektor informal seperti peniaga-peniaga

kecil tepi jalan, penjaja, pedagang di pasar minggu dan pasar malam. Bagi golongan berpendapatan rendah bandar, pasaran makanan di sektor informal lebih diberi tumpuan, kerana harga yang berpatutan dan barangannya juga banyak bermutu.

v) **Kemiskinan Dalam Sektor Informal**

Kajian yang dibuat oleh Nor Aini Hj. Idris (1992,1996) telah memaparkan dimensi kemiskinan dalam sektor informal. Kajian Nor Aini Hj Idris (1992) ke atas perniaga-perniaga wanita pasar Kota Bharu Kelantan mendapati mereka berniaga sekadar mencari nafkah keluarga. Berdasarkan modal harian, mereka membuat sedikit keuntungan dan dengan keuntungan yang sedikit itulah perniaga-perniaga berkenaan menyara keluarga. Sebahagian daripada mereka tidak ada punca pendapatan lain selain daripada berniaga. Manakala sebahagian lagi berniaga sebagai menambah pendapatan suami. Rumusan kajian ini menunjukan sebahagian besar peniaga yang dikaji hidup dalam kemiskinan dan kegiatan mereka sekadar cukup untuk menampung kehidupan harian. Selaras dengan ini, Nor Aini Hj.Idris (1996) cuba memperincikan lagi sebab-sebab kemiskinan di kalangan wanita yang terlibat dalam sektor informal bandar. Kemiskinan di kalangan wanita bandar yang mengusahakan sektor ekonomi informal adalah kombinasi berbagai-bagai faktor seperti tingkat pelajaran, kemahiran yang rendah, peluang yang terhad dan kekurangan-kekurangan tertentu yang membataskan usaha mereka.

Chamhuri Siwar (1998) memperkatakan tentang kemiskinan bandar dan hubungannya dengan sektor informal. Fenomena kemiskinan bandar yang wujud merupakan kesinambungan daripada fenomena kemiskinan desa yang dipindahkan melalui penghijrah. Bagi Chamhuri Siwar, rata-rata penduduk bandar yang miskin adalah mereka yang mengusahakan ekonomi sektor informal dan peluangnya terbuka luas di bandar. Lantaran halangan-halangan tertentu, hanya sektor informal sahaja menjadi harapan untuk mencari nafkah, walaupun pendapatannya tidak menentu.

Kajian yang dibuat oleh Faridah Shahadan (1992) dan Madeline Berma (1992) mendapati pendapatan daripada aktiviti sektor informal memberi sumbangan yang signifikan dalam meringankan beban kemiskinan keluarga. Oleh yang demikian, rata-rata pengkaji menyarankan agar sektor informal diberi perhatian oleh pihak berkuasa bagi membangunkannya kerana ternyata sektor ini dapat mengurangkan beban kemiskinan dan juga turut mengerak pembangunan ekonomi bandar.

#### **vi) Merancang Pembangunan Sektor Informal Secara Bersepadu**

Menyedari betapa pentingnya sektor informal dalam membantu menggerakkan pembangunan ekonomi bandar, Mohd Razali Agus (1992) telah memperihalkan peranan sektor informal dalam perancangan petempatan dan perumahan golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Beliau menekankan betapa perlu dan pentingnya perancangan sektor

informal dalam merancang pembangunan petempatan, khususnya petempatan golongan yang berpendapatan rendah, bagi meningkat taraf sosioekonomi golongan ini.

Dalam pengamatan beliau, perancangan kawasan petempatan golongan berpendapatan rendah hendaklah diimbangi dengan mewujudkan ruang untuk peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja. Ini kerana mereka yang terlibat dengan kegiatan penjajaan dan peniaga kecil adalah ramai dari segi guna tenaga di bandar dan selama ini diabaikan oleh pentadbir bandar. Dengan memperkenalkan halacara baru ini, strategi dan tumpuan pembangunan bukan sekadar memperbaiki kehidupan dan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah, bahkan galakan untuk memajukan sektor informal perlu dilakukan, terutamanya nasihat, bantuan kepakaran dan kewangan. Ini memberi peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah memiliki rumah, bahkan ia dapat mencetus "semangat bermiaga" dengan terbukanya peluang pekerjaan sampingan kepada para penghuni di petempatan baru.

### **1.11 Beberapa Kajian Dan Penulisan Mengenai Penjaja Dan Penjajaan Di Malaysia**

Mohd Hazim (1979) membuat kajian mengenai kegiatan penjajaan runcit di kalangan bumiputra di Bandar Seremban Negeri Sembilan. Kajian beliau mendapati kaum bumiputra jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain, dari segi tingkat operasi dan taraf sosioekonomi. Sebahagian besar penjaja yang dikaji bermiaga secara kecil-kecilan barang makanan.

Zaiton Mohd Nor (1982) juga membuat kajian mengenai penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan di Bandar Kajang, Selangor. Kajian ini mendapati penglibatan bumiputra dalam perdagangan bandar tidak begitu menggalakkan. Majoriti mereka terlibat dalam sektor informal, iaitu sebagai peniaga kecil dan penjaja yang berkaitan dengan menjual barang makanan dan runcit.

Yeoh Ai Lan (1982) mengkaji kegiatan penjaja dari segi operasi dan sosioekonomi di Bandar Kajang, Selangor. Mengikut kajian ini, kegiatan menjaja didapati meningkat dari tahun ke tahun, dengan sebahagian besar penjaja menjual makanan bermasak. Dalam pada itu, kajian ini juga mendapati kaum Cina merupakan golongan yang teramai menjalankan kegiatan menjaja di Bandar Kajang, berbanding dengan kaum lain. Mereka menjaja secara tetap di gerai, dengan modal harian dan hanya sejumlah kecil sahaja menjaja secara bergerak. Bagi pengkaji ini, kegiatan menjaja senang dimasuki kerana dasar-dasar kerajaan yang terbuka dan dijangka sektor ini terus berkembang.

Kajian oleh Mohd Hazim (1979), Zaiton Mohd Nor (1982) dan Yeoh Ai Lan (1982) telah memaparkan ciri-ciri yang sama di kalangan penjaja yang dikaji. Kegiatan mereka dibantu oleh keluarga serta bersaing sesama sendiri dan kaum-kaum lain. Paling ketara usaha mereka tidak ada peningkatan dan tidak berdaya maju. Pendapatan yang diperolehi tidak menentu dan dengan sumber pendapatan daripada kegiatan inilah mereka menyara kehidupan keluarga. Kegiatan mereka juga berdepan dengan pelbagai masalah dan cabaran, terutamanya dalam menghadapi pembangunan fizikal bandar yang kadangkala mengancam kegiatan menjaja.

Sing Tong Joo (1983) membuat kajian tentang sektor informal di kalangan kaum Cina yang menjalankan aktiviti penjajaan pasar malam di kawasan Cheras Kuala Lumpur. Kajian beliau mendapati penjaja pasar malam di kawasan yang dikaji mempunyai pendapatan dua kali ganda lebih tinggi berbanding pekerja-pekerja kilang di sektor formal tempat yang sama. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa mereka yang terlibat dalam penjajaan pasar malam tidak semuanya miskin. Ada di kalangan mereka mengumpul kekayaan malalui kegiatan ini.

Rokian Talib dan Mohd Fauzi Yaacob (1986) membincangkan tentang penjaja dan penjajaan di Bandar Raya Kuala Lumpur dari segi keadaan semasa, masalah dan cadangan. Melalui sumber-sumber "sekunder", penulis ini telah membuat "trend extrapolation" terhadap penjaja dan penjajaan di Kuala Lumpur. Mereka melihat kegiatan menjaja dalam perspektif mikro dan makro. Dari perspektif mikro, hendaklah melihat penjaja sebagai subkomuniti di bandar. Di sini komuniti penjaja perlu ditinjau sebagai satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri serta melihat dari segi peranan dan fungsi penjaja dan penjajaan dalam konteks keseluruhan hidup di bandar. Manakala perspektif makro pula hendaklah melihat penjaja dan fenomena penjajaan sebagai sebahagian daripada proses pembandaran. Tujuannya supaya dapat mengelak dari pandangan sempit atau "ad hoc". Sebaliknya membuka ruang untuk mencari penyelesaian dalam konteks yang lebih luas dan tidak terkongkong.

Dalam penilaian penulis ini, penjajaan di Kuala Lumpur adalah sangat bermakna, kerana ianya dapat mengurangkan tekanan ke atas pasaran buruh. Sekiranya tiada peluang berjaya, atau peluang itu dikurangkan, maka tekanan ke

atas pasaran buruh menjadi semakin kuat. Atas sebab inilah sepatutnya kegiatan ini mendapat galakan, asalkan kegiatan tersebut dikawal dengan rapi. Mengikut pengkaji ini lagi, satu ciri yang sangat menonjol tentang populasi penjaja di Kuala Lumpur ialah taraf pelajaran yang rendah di kalangan mereka. Walaupun begitu, kegiatan menjaja mendatangkan pendapatan yang berpatutan berbanding dengan kos dan modal yang dikeluarkan. Seteruanya pengkaji ini menekankan agar bidang penjajaan diberi perhatian oleh pihak perancang dan pentadbir bandar, kerana penjaja merupakan golongan masyarakat yang boleh menyara diri dan berdikari di samping kegiatan penjajaan juga merupakan satu cara untuk mengurangkan kadar pengangguran di bandar.

Jabatan Kerajaan Tempatan, kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1985) memperkatakan tentang peranan pihak berkuasa tempatan terhadap pembangunan penjaja dan mengawal aktiviti penjajaan agar ianya tidak menimbulkan kacau ganggu. Pihak berkuasa tempatan di Malaysia, di pertanggungjawabkan mengeluarkan lesen kepada penjaja di kawasan masing-masing. Bagi membangunkan masyarakat penjaja, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengadakan program, sama ada jangka pendek atau jangka panjang. Misalnya menyusun dan menempatkan semula penjaja ke pusat-pusat penjaja yang lebih sistematik dengan segala kemudahan asas secara berpusat dibekalkan. Dalam mengawal aktiviti penjajaan agar mereka mematuhi segala peraturan yang ditetapkan, pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa melalui peruntukan undang-undang seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1972 dan Akta Makanan 1983.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1985) memperkatakan tentang pengalamannya melaksanakan dasar dan penguatkuasaan undang-undang mengenai penjaja. Walaupun Kuala Lumpur dikatakan tidak mempunyai satu dasar yang khusus mengenai penjaja, tetapi telah sekian lama, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melaksanakan amalan-amalan bagi mengawal para penjaja di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)1979, Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan)1984 dan Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (Wilayah Persekutuan)1979 dan Pindaan 1992.

Undang-Undang dan segala peraturan yang digariskan semata-mata untuk mengawal kegiatan menjaja di Kuala Lumpur, terutamanya dari segi kebersihan dan keadaan fizikal bandar raya. Dalam pada itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga menjalankan program penyusunan dan penempatan semula penjaja ke pusat-pusat penjaja yang dibina dan dimajukan oleh pihak swasta. Malah para penjaja diberi lesen untuk menjaja mengikut kesesuaian tempat, sentiasa memberi khidmat nasihat, latihan dan lain-lain bantuan yang diperlukan selaras dengan dasar terbuka yang diamalkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Berdasarkan kajian-kajian dan penulisan mengenai kegiatan menjaja seperti mana yang dipaparkan, jelas menunjukkan para penjaja menjalankan kegiatan sekadar mencari pendapatan untuk menyara keluarga. Mereka boleh di golongkan dalam kumpulan berpendapatan rendah bandar dan memerlukan pertolongan pihak berkuasa agar mereka dapat meneruskan aktiviti ini di masa hadapan. Pihak berkuasa juga hendaklah mengambil tanggungjawab yang lebih

erkesan bagi memajukan lagi kegiatan menjaja di bandar, kerana ia merupakan eluang terakhir bagi penduduk bandar mencari pekerjaan.

## .12 Rumusan Kajian

Peranan sektor formal dalam menyerap guna tenaga di negara sedang membangun masih kecil. Kemiskinan, sama ada secara relatif atau mutlak,ikenal pasti memaksa seseorang individu mencari peluang pekerjaan di tempat ain, terutamanya di bandar. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi penghijrah ersebut bergantung kepada jenis pekerjaan yang mereka ceburi di bandar. Mereka yang tidak berjaya mendapat peluang dalam sektor formal kerana taraf endidikan yang rendah dan kurang kemahiran, biasanya akan mencari sumber endapan yang lain untuk meneruskan hidup di bandar. Sektor yang menjadi umpan ramai ialah sektor informal kerana sektor ini merupakan harapan erakhir bagi mereka memperolehi pendapatan. Tambahan pula sektor ini senang dimasuki oleh sesiapa sahaja tanpa halangan yang banyak.

Rumusan dari kajian-kajian yang dilakukan ke atas kegiatan sektor nformal bandar, menghasilkan dua natijah utama. Pertama, sektor informal nerupakan pekerjaan dan sumber pendapatan tetap golongan yang terlibat tengannya. Mereka dapat menyara keluarga dengan kegiatan ini. Kedua, ianya nerupakan peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan keluarga dalam mengatasi masalah kemiskinan bandar. Sesetengah individu dapat pula mengumpul kekayaan melalui kegiatan ekonomi sektor informal.

Penjaja dan penjajaan yang merupakan salah satu aktiviti dalam sektor informal, khususnya menjaja barang makanan, adalah kegiatan yang paling

ramai diceburi di bandar. Ini kerana dasar-dasar pihak berkuasa yang terbuka dan keuntungan yang diperolehi agak lumayan berbanding dengan kos yang dikeluarkan. Di bandar-bandar, kegiatan menjaja mendapat perhatian pihak berkuasa, dengan berbagai-bagai bantuan dan strategi diadakan, untuk membangunkan lagi kegiatan ini. Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan, sesetengah kegiatan menjaja memberi pendapatan yang lumayan dan ini menarik perhatian ramai untuk menceburinya, sama ada secara tetap atau sebagai kerja sampingan, dalam usaha meningkat sosioekonomi keluarga. Di Kuala Lumpur kegiatan menjaja sangat meluas dan ianya memberi pulangan yang baik kepada individu yang menjalankannya. Ini kerana pasaran terhadap barang yang dijaja agak luas kerana penduduk Kuala Lumpur ramai, berbanding dengan bandar-bandar lain di Malaysia.

Sektor informal adalah penting dalam pembangunan ekonomi negara Dunia Ketiga dan sesetengah pengkaji menyatakan ianya pelengkap kepada sektor formal. Walaupun begitu, kajian mengenainya masih lagi kurang dan data-data yang ada sudah tidak sesuai lagi buat masa kini. Begitu juga kajian mengenai penjaja dan penjajaan yang mana lanya sangat kurang dilakukan. Data-data yang sedia ada perlu kemaskinikan, selaras dengan pembangunan ekonomi semasa, khususnya pembangunan ekonomi bandar dan aliran penghijrahan desa-bandar yang masih berterusan. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan realiti penjaja dan penjajaan di Kuala Lumpur, yang mana kegiatannya bergolak dalam pembangunan "ekonomi bandar" di bandar raya ini.